

BAB TIGA

DERIVASI KATA KERJA MU'TAL

3.0 Pengenalan

Derivasi atau dalam bahasa Arab di panggil sebagai ishtiqaaq (الاشتقاق) adalah merupakan salah satu cabang ilmu yang terpenting dalam bidang morfologi bahasa tersebut. Ia perlu dikuasai pengkaji bahasa Arab secara mendalam bagi memahami makna yang terdapat dalam sesuatu perkataan. Ishtiqaaq adalah merupakan salah satu cara orang Arab memperkaya dan memperluaskan perbendaharaan kata mereka. Ia telah pun dilakukan sejak zaman yang silam (Muhammad Sarhaan 1956:66-67). 'Imaad Haliim (1980) menyatakan bahawa ishtiqaaq dalam bahasa Arab adalah amat penting. Ini disebabkan oleh ciri perkataan dalam bahasa Arab itu yang terdiri daripada satu kata dasar yang mampu melahirkan bentuk kata-kata baru, sama ada kata kerja atau kata nama dengan mengikut proses imbuhan fonem-fonem ke dalam kata dasar.

Proses ini memperlihatkan keistimewaan serta keunggulan bahasa Arab yang tersendiri. Maka tidak syak lagi, bahasa Arab mampu mengikut arus perkembangan dan kemajuan zaman.

Dari segi bahasa, perkataan ishtiqaaq adalah diambil dari kata dasar shiin, qaaaf, qaaaf (ش، ق، ق). Ia pula diterbitkan kepada kata terbitan ishtaqqaa (اشتقّ).

(ا، ش، ت، ق، ف) yang bermakna terbit. Perkataan tersebut telah melalui proses

pengimbuhan dalam fonem kata dasar, iaitu alif (ا) taa' (ت) dan qaaaf (ق). Kata nama

terbitan bagi اشتقاء (derivasi)

Dari segi istilah, menurut al-Suyuutiyy (t.th: jil.1/346), ishtiqaaq bermaksud pengambilan satu pola (صيغة) dari pola yang lainnya dengan syarat kedua-duanya

sama dari segi makna pokok, huruf asal dan tertib susunan hurufnya. Ia menunjukkan makna perkataan kedua itu sama dengan makna perkataan yang pertama dari segi dasarnya. Seterusnya dilakukan penambahan huruf yang tidak merubahkan tertib asal susunan huruf perkataan tersebut.

Manakala al-Anfaaikiyy (t.th:331) pula mentakrifkan ishtiqaaq sebagai pengambilan satu lafaz dari yang lain dengan keserasian antara keduanya dari segi makna di samping perubahan pada lafaz tersebut. Contohnya perkataan عالم (yang mengetahui) dan

مَعْلُوم (yang diketahui) berasal dari kata kerja عَلِم (mengetahui).

Perlu disebutkan di sini bahawa terdapat satu istilah lain yang hampir menyerupai ishtiqaaq ini, iaitu taṣriif (التصريف). Al-Hamalaawiiy (t.th:17) mentakrifkan istilah

taṣriif dari segi maknanya secara praktikal adalah sebagai “*perubahan satu kata dasar kepada bermacam-macam perkataan lain untuk makna-maknanya yang dikehendaki, dan makna-makna tersebut tidak dapat dicapai tanpa berlakunya perubahan tersebut.*

Misalnya kata *nama pelaku* (اسم الفاعل) dan *objek* (اسم المفعول), *isim tafdiil* (اسم التفضيل) penduaan (الجَمْع)، *jama'* (الثُّنْيَة)، dan lain-lainnya.

Al-Mubaarak (t.th:151-152) menyebut bahawa terdapat di kalangan ahli bahasa yang membezakan di antara *ishtiqaaq* dan *taṣriif*. Mereka berpendapat jika penerbitan sesuatu perkataan dari kata asalnya dengan mengambil huruf asal perkataan tersebut, maka ia dinamakan sebagai *ishtiqaaq*. Manakala mengembangkannya dalam pelbagai wazan dinamakan *taṣriif*. Setiap satunya (*ishtiqaaq* dan *taṣriif*) menjadi jalan untuk mengenali yang satu lagi. Dengan mengetahui wazan sesuatu perkataan menjadi jalan untuk mengetahui kata dasarnya yang telah diishtiqaaqkan. Contohnya perkataan **الاضطراب** (*kecelaruan*) menyamai wazan **الأشتعال**, dan ia berasal dari kata kerja **ضَرَبَ** (*pukul*).

Mengenali asal perkataan yang diishtiqaaqkan itu merupakan satu kaedah untuk mengenali wazannya dan dapat membezakannya daripada wazan-wazan lain. Contohnya perkataan **المتاجعة** (*pencegahan*) dan **المجاعدة** (*kebuluran*). Kedua-duanya dari

perkataan asalnya **مَنْعَ** (*mencegah*) dan **جَاعَ** (*lapar*). Jadi wazan kedua-keduanya adalah

فعالة dan **مفعة**. Justeru, bolehlah dikatakan di sini bahawa *taṣriif* adalah satu juzuk daripada *ishtiqaaq* dan sudah tentulah mempunyai hubungan yang saling berkaitan antara satu sama lain.

3.1 Pandangan Ahli Bahasa Arab Tentang Asal Derivasi

Para ahli bahasa Arab telah berselisih pendapat dalam menentukan asal derivasi ini. Mereka mengemukakan hujah-hujah yang logik bagi mempertahankan pendapat mereka.

3.1.1 Pendapat Ahli Bahasa Başrah.

Menurut Ibn al-Anbaariiy (t.th: jil.1/237-245), mereka berpendapat bahawa masdar adalah asal kepada derivasi sementara kata kerja diterbitkan daripada masdar tersebut.

Hujah-hujah mereka ialah :

- a) Maṣdar tidak terikat (mutlak) dengan masa manakala kata kerja menunjukkan kepada masa yang tertentu. Mutlak adalah asal kepada perkara yang berkait (muqayyad). Jadi, maṣdar adalah asal kepada kata kerja.

- b) Maṣdar adalah kata nama, Kata nama boleh berdiri dengan sendiri tanpa Memerlukan kepada kata kerja, manakala kata kerja pula tidak dapat berdiri dengan sendiri tanpa adanya kata nama. Sesuatu yang boleh berdiri dengan sendiri tanpa memerlukan benda lain adalah lebih layak untuk dianggap sebagai yang asal.

- c) Dinamakan maṣdar (sumber atau punca) adalah kerana setiap kata kerja terbit darinya.

- d) Maṣdar menunjukkan kepada satu perkara sahaja, iaitu kejadian, manakala kata kerja pula menunjukkan kepada dua perkara, iaitu kejadian dan masa ia berlaku.

e) Kata kerja menunjukkan kepada apa yang ditunjukkan oleh oleh maṣdar.

Contohnya kata kerja ضَرَبَ (telah memukul) menunjukkan kepada apa yang ditunjukkan

oleh الصُّرْبَ (pukulan) iaitulah maṣdar dan tidaklah berlaku sebaliknya. Jadi, maṣdar

adalah asal dan kata nama adalah cabangnya.

3.1.2 Pendapat Ahli Bahasa Kufah

Berdasarkan apa yang ditulis oleh Ibn al-Anbaariy (t.th : jil.1/235-246), ahli bahasa Arab Kufah berpendapat bahawa kata kerja adalah asal kepada derivasi. Mereka berhujah dengan hujah-hujah berikut:

a) Maṣdar menjadi شَاهِيْهٌ sekiranya kata kerjanya شَاهِيْهٌ seperti

kata kerja قَاوِمٌ (berjuang) dengan maṣdarnya قَوْامٌ (perjuangan) dan menjadi

mu'tal sekiranya kata kerjanya mu'tal (الفِعْلُ المُغْتَلُ) seperti kata kerja قَامَ (telah

bangun) dengan maṣdarnya بَيَامٌ (bangun).

b) Kata kerja bertindak ke atas maṣdar seperti ضَرَبْتُ ضَرِبًا (Aku telah memukul satu

pukulan) di mana status (ربْبة) agen (العَامِل) , iaitu pengubah fleksi lebih tinggi

daripada ma'mul (المَعْمُول) , iaitu perubah fleksi. Maka sewajarnyalah maṣdar menjadi

cabang kepada kata kerja.

- c) Maṣdar disebut untuk menguatkan (تَأكِيدٌ) kata kerja seperti (Aku telah memukul dengan satu pukulan). Status apa yang dikuatkan (الْمُؤْكَدُ) adalah lebih tinggi daripada penguat (الْمُؤْكَدُ).
- d) Terdapat kata kerja-kata kerja yang tidak mempunyai maṣdar seperti نعم (sebaik-baik), عَسَى (seburuk-buruk), عَسَى (mudah-mudahan), بَلْ (bukan), dua kata kerja ta'jjub (فِفْلَا التَّعْجُب), iaitu mengikut pola حَبَّدَا, أَفْعَلْ بِهِ وَ مَا أَفْعَلَ, iaitu mengikuti pola فِفْلَا التَّعْجُب (alangkah eloknya). Sekiranya maṣdar itu adalah asal, maka semestinya ia tidak mempunyai kata kerja-kata kerja sedemikian kerana adalah mustahil wujudnya cabang tanpa adanya kata asal.
- e) Maṣdar tidak dibayangkan maknanya tanpa wujudnya kata kerja yang dilakukan oleh pelaku. Pelaku telah diciptakan baginya perbuatan yang sudah berlaku (فَعَلَ) dan perbuatan yang sedang atau akan berlaku (يَفْعُلُ). Maka sewajarnyalah kata kerja yang menjadikan maṣdar itu difahami dianggap sebagai asal kepada maṣdar.

3.1.3 Pendapat Ṣubḥī al-Ṣaalīḥ.

Menurut Ṣubḥī al-Ṣaalīḥ (1981:180-182), kata kerja tidak mungkin menjadi asal kerana perkara yang dapat dirasai (الْجِسْمِيُّ) lebih awal wujudnya dari perkara yang

(المعنى). Menurut beliau, asal kepada derivasi ialah kata nama benda atau konkrik

(أسماء الأعْيَان) kerana naluri manusia mengatakan bahawa kata nama benda atau

konkrik itu wujud sebelum kata nama makna (أسماء المَعَانِي). Abdullah Amiin

(1956:14) juga mempunyai pendapat yang hampir sama di mana beliau berpandangan bahawa semua derivasi itu mempunyai maṣdar yang diderivasikan daripada kata kerja. Ia berlaku selepas kata kerja diderivasikan daripada asal kepada derivasinya, iaitu kata nama makna selain daripada maṣdar, kata nama benda dan bunyi-bunyi.

3.1.4 Pendapat Fu'aad Tarziyy.

Beliau mengemukakan pandangan bahawa (Fu'aad Tarziyy dalam Mat Taib bin Pa 2000:38):

- a) Derivasi dalam bahasa Arab berasal dari berbagai-bagai bentuk. Kebanyakan perkataan yang diderivasikan itu diambil daripada kata kerja, kata nama dan juga partikel.
- b) Secara umumnya penderivasian maṣdar daripada kata terbitan (مشتقات) berasal daripada kata kerja.
- c) Kata kerja kadang kala menjadi asal secara spontan (مُرتجلة) dan kadang kala diderivasikan dari kata nama jati (الأسماء الجامدة), kata nama bunyi (أسماء الأصوات) dan partikel.

3.1.5 Pendapat Tammaam Hassaan

Menurut Tammaam Hassaan (1979:169), derivasi berasal daripada 3 huruf (**الأصْرُل**)

(الْأَلْلَاتَةِ), iaitu faa' kata, 'ain kata dan laam kata (ف، ع، ل). Contohnya perkataan **رِكَبَ**

(menunggang) berasal daripada **ر، ك، ب**. Justeru, beliau berpendapat bahawa masdar

dan kata kerja kala lampau berasal daripadanya.

3.2 Derivasi Kata Kerja Mu'tal

Sesungguhnya bahasa Arab adalah satu bahasa yang unggul lagi unik. Ini jelas dapat dilihat dari sudut wazan (pola) kata kerjanya yang berjumlah sepuluh. Tambahan pula, ia boleh ditasrifkan sehingga kepada 28 pola dalam bentuk kata kerja kala lampau dan kata kerja kala kini/depan. Manakala bagi kata kerja imperatif pula ia berjumlah 6 bentuk pola. Kata kerja dalam bahasa Arab ini akan berubah mengikut ganti nama yang digunakan di mana jumlah ganti nama yang terdapat dalam bahasa Arab ialah 14 kesemuanya.

Penulisan dalam bab ini akan menyentuh tentang perubahan-perubahan yang berlaku pada huruf 'illah dalam kata kerja mu'tal apabila ia diderivasikan kepada jenis-jenis kata kerja mu'tal iaitu wazan-wazan, kala (kala lampau, kala kini/depan) dan imperatif (kata suruh) serta sandaran kata kerja (isnad) dengan ganti nama. Kemudian jenis-jenis kata nama pula akan menyentuh tentang perubahan-perubahan yang berlaku kepada huruf 'illah dalam kata kerja mu'tal ketika diderivasikan kepada kata nama pelaku, kata nama objek, masdar, kata nama tempat/masa dan isim alat (kata nama alat).

Secara jelasnya bab ini banyak menyentuh tentang perkara yang berkaitan dengan i'laal (الاعلال). I'laal ialah perubahan huruf vokal untuk memudahkan sebutan melalui penukaran, pemindahan atau pengguguran (Glosari 1996:33).

3.2.1 Jenis-jenis Kata Kerja Mu'tal

3.2.1.1 Kata Kerja Mu'tal Mithaal (المثال)

Seperti yang telah didefinisikan sebelum ini, kata kerja mu 'tal ialah kata kerja di mana faa' kata adalah huruf 'illah. Huruf 'illah tersebut sama ada huruf waaw atau yaa' dan tidak mungkin ia daripada huruf alif. Ini adalah kerana huruf alif mestilah dalam keadaan berbaris mati. Huruf berbaris mati tidak boleh terletak di permulaan sesuatu perkataan berbeza dengan huruf waaw dan yaa' kerana keduanya boleh menerima baris. Jadi, huruf alif mestilah berada di tengah atau akhir perkataan. Kata kerja ini juga tidak boleh di'laalkan huruf waaw dan yaa'nya (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:156).

Kata kerja mithaal dengan huruf waaw mempunyai lima wazan, iaitu (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:156):

Wazan	Contoh
يَفْعُلُ - فَعْلٌ (1)	جَمِيعٌ - وَجْعٌ - وَسَخٌ (sakit), كَوْتُورٌ (kotor), يَسْخَنٌ (suhu)
يَجْعَلُ - وَجْلٌ	يَجْعَلُ - وَجْلٌ (takut)
يَفْعُلُ - فَعْلٌ (2)	يَوْنُقُ - وَنْقٌ (rendah), يَوْنُرُ - وَنْرٌ (teguh), يَوْنَجَهُ - وَنْجَهٌ (megah)

يَفْعُلُ - فَعَلَ (3) يَدْعُ - وَدَعَ (meletakkan), يَضَعُ - وَضَعَ

(meninggalkan), يَهْبُ - وَهَبَ (memberi)

يَفْعُلُ - فَعَلَ (4) يَرِعُ - وَرَعَ (menerima), يَرِثُ - وَرِثَ

(warak), يَفِقُ - وَفِقَ (setuju)

يَفْعُلُ - فَعَلَ (5) يَشْبُ - وَقَبَ (berjanji), يَعِدُ - وَعَدَ

(melompat), يَجِبُ - وَجِبَ (wajib)

Hanya satu perkataan sahaja mengikut wazan (يَجُدُ - وَجَدَ) يَفْعُلُ - فَعَلَ (mendapatkan)

iaitu dalam bahasa Bani ‘Aamir (Muhammad Muhyi al-Diin:156).

Kata kerja mithaal berhuruf yaa’ mempunyai empat wazan. Kata kerja dari kategori ini amatlah sedikit sekali dalam bahasa Arab. Faa’ kata tidak mengalami pengguguran, berbeza dengan kata kerja mithaal berhuruf waaw. Wazan-wazan tersebut ialah (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:157):

Wazan

Contoh

1 يَفْعُلُ - فَعَلَ (1) يَتَّمُ - يَتَمَ (kering), يَبِسُ - يَبِسَ (menjadi

yatim), يَنْقَظُ - يَقِظَ (jaga)

2 يَفْعُلُ - فَعَلَ (2)

يَتَّسُعُ - يَنْعَ ، يَفْعُ - يَفْعَ (hampir baligh)

(matang)

يَفْعُلُ - فَعَلَ (3)

يَمْنُ - يَمَنَ (beruntung)

يَفْعُلُ - فَعَلَ (4)

يَسِّرُ - يَسَرَ , يَتَسَعُ - يَنْعَ (masak) (mudah)

a) Kata Kerja Mu'tal Mithaal Kala Lampau.

Kata kerja ini menyerupai kata kerja saalim dalam keempat-empat belas keadaan pentasrifan sama ada huruf ‘illah itu huruf waaw ataupun yaa’ (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:157). Contohnya perkataan وَصَلَ (telah sampai) dan بَسَ (telah kering)

seperti berikut:

Jadual 5

Tasriif Kata Kerja Mu'tal Mithaal Kala Lampau

Bil	Ganti nama	Kata kerja mu 'tal mithaal	
		waaw	yaa,
1	هُوَ	وَصَلَ	بَسَ
2	هُمَا	وَصَلَّ	بَسِّا
3	هُمْ	وَصَلُوا	بَسِّوا
4	هِيَ	وَصَلَتْ	بَسِّتْ
5	هُمَّا	وَصَلَّا	بَسِّا

6	هُنْ	وَصَلَنَ	يَسِّنَ
7	أَتَ	وَصَلْتَ	يَسْتَ
8	أَثْمَا	وَصَلْتُمَا	يَسْتُمَا
9	أَثْمَ	وَصَلْتُمْ	يَسْتُمْ
10	أَتُ	وَصَلْتِ	يَسْتِ
11	أَثْمَا	وَصَلْتُمَا	يَسْتُمَا
12	أَثْنَ	وَصَلْتُنْ	يَسْتُنْ
13	أُنْ	وَصَلْتُ	يَسْتُ
14	كَخْنُ	وَصَلْتَنَا	يَسْتَنَا

Daripada keterangan di atas, jelas menunjukkan bahawa tidak berlaku sebarang perubahan kepada huruf 'illah.

b) Kata Kerja Mu'tal Mithaal Kala Kini/depan

Bagi kata kerja mu'tal mithaal berhuruf yaa', ia sama seperti kata kerja saalim iaitu tidak berlaku pengguguran dan i'laal. Kata kerja ini berbeza dengan kata kerja mu'tal mithaal berhuruf waaw di mana ia mesti digugurkan waaw tersebut dalam kata kerja

kala kini/depan dan imperatif. Pengguguran tersebut adalah mengikut dua syarat berikut iaitu (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:158):

a) kata kerja kala lampau itu mestilah kata kerja dasar tiga huruf

ورثَ وَصَلَ يَصِلُّ (الْفِعْلُ الْمُجَرَّدُ التَّلَالِيُّ). Contohnya: (sampai) menjadi

يرثُ (mewarisi) menjadi يرثٌ

b) ‘Ain kata ketika kala lampau dan kala kini/depan berbaris bawah seperti يرثُ - وَرَثَ

ataupun ‘ain kata ketika kala kini /depan sahaja berbaris bawah manakala ketika kala lampau berbaris atas seperti: يَصِلُّ - وَصَلَ (sampai).

Sekiranya kata kerja tersebut tidak menepati syarat (a), kerana ada penambahan huruf seperti أوجبَ (mewajibkan) dengan penambahan huruf hamzah atau وَاعَدَ (saling

berjanji) dengan penambahan huruf alif, maka huruf waaw tersebut tidak akan digugurkan kerana ketidaan huruf yaa’ yang berbaris atas. Perkataan أوجبَ akan

menjadi يُوَاجِبُ وَاعَدَ يُوَاعِدُ menjadi (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:158). Ibn

‘Usfuur (1979:427) menyatakan bahawa asal perkataan يُوَاعِدُ ialah يُوَعِدُ.

Jika syarat (b) tidak ditepati kerana ‘ain kata kala kini/depan berbaris depan atau atas, maka huruf waaw juga tidak digugurkan. Contohnya perkataan وَجْهَةَ (megah) akan

menjadi يَوْجِهَ وَتَقَنْ (teguh) menjadi يَوْجِنْقَ. Hanya satu perkataan sahaja dalam

bahasa Arab, iaitu dalam dialek Bani ‘Aamir yang berbeza dengan kaedah di atas, iaitu perkataan وَجْدٌ yang bertukar menjadi يَجْدُ (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:158).

Terdapat juga beberapa kata kerja kala kini/depan, ‘ain katanya berbaris atas yang berbeza dengan kaedah di atas di mana huruf waawnya sepatutnya dikekalkan, tetapi telah digugurkan. Contohnya يَذَرُ (meninggalkan), يَسْعُ (luas), يَطَّا (menunggang), يَلْعُ (sangat cinta), يَهَبُ (memberi), يَدْعُ (meninggalkan), يَرْعَ (mencegah) dan يَقْعُ (terletak). Kebanyakkan ahli bahasa berpendapat bahawa pengguguran waaw di atas adalah mengikut kaedah (kecuali bagi perkataan يَطَّا dan يَسْعُ). Mereka mendakwa bahawa kesemua kata kerja ini, ‘ain kata perlu berbaris bawah seperti wazan يَفْعِلُ (yaf‘al).

Huruf waaw telah digugurkan kerana kemasukan huruf yaa’ yang berbaris atas dan bawah يَقْعُ → وَقْعٌ). Selepas itu ‘ain kata telah ditarikatkan kerana kesukaran menyebutnya disebabkan terhimpunnya baris bawah dan huruf yang keluar dari halkum يَقْعُ → يَطَّا). Bagi kata kerja يَطَّا dan يَسْعُ, para ahli bahasa sepakat mengatakan bahawa ia suatu yang shazz (di luar kaedah) ketika kala lampau, ‘ain kata berbaris bawah. Kaedahnya ialah ditarikatkan ‘ain kata kala kini/depan (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:159).

Dalam bahasa ‘Uqail, kata kerja di mana ‘ain kata berbaris bawah, terselamat daripada pengguguran seperti يَوْحِلُ (marah), يَوْلِهُ (sedih), يَوْجِلُ (menjilat), يَوْنِلُ (terbenam) dan يَوْهِلُ (terkejut). Sementara itu bagi perkataan-perkataan tersebut dalam

bahasa selain bahasa ‘Uqail, ‘ain kata berbaris atas atau digugurkan.(Muhammad Muhyi al-Diin 1990:159)

c) Kata Kerja Mu’tal Mithaal Imperatif

Kata kerja ini kesemuanya sama seperti yang berlaku kepada kata kerja kala kini/depan melainkan waaw kata kerja tersebut terselamat daripada pengguguran jika ‘ain kata berbaris atas atau bawah. Waaw kata kerja akan ditukar kepada huruf yaa’ kerana keadaanya yang berbaris mati disebabkan oleh huruf hamzah wasl همزة الوصل (hamzatul wasl)

berbaris bawah. Contoh: بَنِيَّ (benamkan [k1m]), تُفْجَلْ (terkejutkan [k1m]) dan إِبْرَرْ (marahkan [k1m]) dengan ‘ain kata berbaris bawah mengikut bahasa ‘Uqail. Sementara itu mengikut bahasa selain ‘Uqail, ‘ain kata berbaris atas. (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:159)

Manakala contoh bagi kata kerja yang digugurkan faa’ kata dengan ‘ain kata berbaris bawah ialah seperti: رَثٌ (terimalah [k1m]), ثُقْ (teguhkan [k1m]), فُقْ (setujulah [k1m]), صُلْ (sambungkan [k1m]), عِدْ (berjanjilah [k1m]) dan صِفْ (sifatkan/ceritakan [k1m]) dengan ‘ain kata berbaris atas seperti: ذَرْ (tinggalkan [k1m]), سَعْ (luaskan [k1m]), طَأْ (tungganglah [k1m]), لَعْ (cintailah [k1m]), هَبْ (berikanlah [k1m]), دَعْ (tinggalkanlah [k1m]), زَعْ (cegahlah [k1m]) dan لَعْ (jilallah [k1m]) (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:159).

Huruf waaw digugurkan dalam kata imperatif serta tiadanya huruf yaa' berbaris atas adalah kerana ia mengikut kata kerja kala kini/depannya. Kata kerja imperatif dipetik daripada kata kerja kala kini/depan (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:159).

Terdapat dua perkara yang perlu diberikan perhatian iaitu (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:159-160):

- a) Sekiranya kata terbitan kepada kepada kata kerja mithaal huruf waaw mengikut wazan **فُعْل** iaitu faa' kata berbaris bawah, maka dibolehkan untuk digugurkan faa' kata dan digantikan dengan huruf taa' selepas laam kata seperti **عَدَّةٌ وَعَدْ** (*janji*) , **وَزْنٌ وَزَنَةٌ** (*timbangan*) , **صِفَةٌ وَصَفَّةٌ** (*sifat*). Penggantian huruf taa' adalah wajib mengikut mazhab al Farraa' dan Sibawaih. Manakala ahli bahasa lain berpendapat ia bukanlah wajib bahkan hanyalah harus di gantikan sebagaimana harus ditiadakan taa' tersebut dengan syarat ia bukan bermaksud kata terbitan yang menerangkan tentang keadaan **(بَيَانُ الْحَيْثَةِ)**. (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:160)

- b) Sekiranya mahu dibina perkataan mengikut wazan **افْتَعَلَ** dari kata kerja mithaal huruf waaw atau yaa', maka perlulah ditukarkan faa' kata dengan huruf taa', kemudian diserapkannya dalam taa'. **الْفَتَعَلَ**. Kaedah ini bukan sahaja merangkumi kata kerja kala lampau atau jenis-jenis kata kerja yang lain, bahkan ia merangkumi keseluruhan penderivasian kata di mana asalnya adalah sama seperti **الْمُتَسَلِّلُ** **الْقَيْ، مُتَعِدُ، الْعَادَا، يَتَعِدُ، يَتَسَلِّلُ**, **الْمُتَعَدُّ**, **الْمُتَصَالَا**, **الْمُتَصَلِّلُ**, **berjanji**, **(bersambung)**.

(*takut*), يَتَقَاءُ . مُتَّقٌ ، اتْقَاءً ، اتْصَلٌ . Perkataan **الْأَتْصَل** contohnya adalah berasal daripada ditukarkan huruf waaw kepada huruf taa' menjadi **اتْصَل** di mana dalam keadaan ini, tidak dapat tidak mesti diserapkan huruf pertama ke dalam huruf kedua kerana dua huruf yang sama iaitu taa' pertamanya berbaris mati dan keduanya berbaris (atas), maka jadilah **اتْصَل**. Begitu juga bagi perkataan-perkataan yang sama keadaannya dengan kata kerja **الْأَتْصَل** . (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:160)

3.2.1.2 Kata Kerja Mu'tal Ajwaf (الأجفاف)

Seperti yang telah diterangkan sebelum ini tentang takrif kata kerja ini, iaitu kata kerja yang mengandungi huruf 'illah pada faa' kata, di mana ia mempunyai empat kemungkinan, iaitu (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:161):

a) 'ain kata dari huruf waaw yang kekal dalam keadaan asalnya. Contohnya: حَوْلَ (حَوْلَ),

حَاوَلَ (juling), قَاوَلَ (buta sebelah mata), صَاوَلَ (melompat), عَوَرَ (berunding),

اشْتَوَرَ (mencuba), تَحَاوَرَ (berunding [m2m]), تَقَاوَلَ (berunding [m2m]),

اجْتَوَرَ (bermesyuarat [m2m]) dan اجْتَوَرَ (berjiran [m2m]).

b) 'ain kata daripada huruf waaw ditukar kepada huruf alif. Contohnya قَامَ (قام), خَافَ (خاف), نَامَ (نام), تَدَورَ (تدور), صَوَمَ (صوم) dan تَكَوَّنَ (تکون) (takut).

(*bangun*), خَافَ (*خاف*), نَامَ (*نام*) (*tidur*) dan صَوَمَ (*صوم*) (*takut*).

- c) ‘ain kata daripada huruf yaa’ kekal dalam keadaan asalnya. Contohnya **غِيدَ** (*lembut*) dan **حَيْدَ** (*cenderong*)

- d) ‘ain kata daripada huruf yaa’ ditukarkan menjadi alif. Contohnya **بَاعَ** (*bayع*) **جَاءَ** (*جَيأ*) (*datang*) (*menjual*) dan **يَمَاتُ** – **مَاتَ** (*takut*) **يَخَافُ** – **خَافَ** (*mati*)

Kata kerja mu’tal ajwaf ini mempunyai tiga wazan, iaitu (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:161):

Wazan	Contoh
يَفْعُلُ – فَعَلَ (1)	يَمَاتُ – مَاتَ (<i>takut</i>), يَخَافُ – خَافَ (<i>mati</i>) يَغُورُ – غَورَ (<i>takut</i>) يَهَابُ – هَابَ , <i>sebelah mata</i> (<i>berombak</i>) dan يَقْيَدُ – غِيدَ (<i>lembut</i>)
يَفْعُلُ – فَعَلَ (2) (hanya huruf waaw)	ذَابَ – مَاجَ (<i>berombak</i>) dan يَذُوبُ (<i>larut</i>)
يَفْعُلُ – فَعَلَ (3) (hanya huruf yaa’)	يَعِيشُ – عَاشَ (<i>baik</i>) (<i>hidup</i>) يَطِينُ – طَابَ

a) Kata Kerja Mu'tal Ajwaf Kala Lampau Sebelum Diisnadkan (dihubungkan)

Kepada Ganti Nama

Kata kerja ini mesti di konsonangkan ain' katanya atau dikekalkan dalam keadaannya yang asal sama ada waaw atau yaa' dalam lapan keadaan berikut (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:162-164):

1) Kata kerja tersebut adalah dari wazan **فَعْل** ('ain kata berbaris bawah) dan kata

sifatnya dari wazan **أَفْعَل**. Kata kerja ini menunjukkan kepada sifat sesuatu yang baik

atau buruk. Contohnya **أَخْوَل** (*juling*), **عَوْرَ** (*buta sebelah mata*), **أَجْهَدُ** (*cenderong*) dan **غَيْدُ** (*lembut*). Jika kata kerja tersebut dari

wazan **فَعْل** ('ain kata berbaris atas), 'ain kata dikekalkan dalam huruf 'illah. Maksudnya

ia ditukarkan kepada huruf alif kerana huruf sebelumnya berbaris atas. Contohnya **بَاعَ**

(*menjual*), **فَالَّ** (*rosak*), **عَاثَ** (*berkata*) dan **صَامَ** (*berpuasa*). Jika kata kerja tersebut

dari wazan **فَعْل** ('ain kata berbaris bawah) tetapi kata sifatnya bukan dari wazan **أَفْعَل**

, wajib diilaalkan seperti contoh **خَافَ** (*takut*) (**خَافِتَ**) (*penakut*) dan **مَاتَ** (*mati*) (**مَيْتَ**) (*orang mati*).

2) Kata kerja itu mestilah mengikut wazan **فَاعْلَ** samada 'ain katanya huruf waaw

seperti حَاوَلَ (mencuba) dan قَاوَلَ (berunding). Ataupun ‘ain katanya huruf yaa’

seperti بَأْيَعَ (berjanji), ضَأْيَقَ (menyulitkan), بَأْيَنَ (meninggalkan) dan دَأْيَنَ (memberi hutang).

3) Kata kerja itu mestilah mengikut wazan تَفَاعِلٌ sama ada ‘ain katanya huruf waaw

seperti تَفَاؤِلٌ (saling mengusir), تَفَاؤَلٌ (berunding), تَفَارِقٌ (saling berbeza), تَنَاؤُشٌ

(saling menyerang), تَهَاوَنٌ (saling memudahkan), ataupun ‘ain katanya huruf yaa’

seperti تَدَأْيَنَ (berhutang), تَبَأْيَعَ (saling berjanji), تَبَأْيَنَ (saling berbeza) dan تَرَأْيَدَ

(saling bertambah).

4) Kata kerja tersebut mestilah daripada wazan فَعْلٌ, ‘ain yang digandakan) sama ada

waaw seperti سَوْلَ (memperdayakan), عَوْلَ (menjerit), سَوْفَ (menangguhkan), كَوْرَ

(melilitkan) dan هَوْنَ (memudahkan). Ataupun yaa’ seperti بَيْنَ (menerangkan), بَيْتَ

(lari pada malam hari), سَيْرَ (menjalankan), خَيْرَ (menyuruh pilih), زَيْنَ

(menghiaskan) dan صَيْرَ (menjadikan). ‘Ain kata tidak ditukarkan kepada huruf ‘illah

kerana takut berlaku kekeliruan sekiranya ‘ain kata itu contohnya ditukarkan kepada

huruf alif, maka perkataan بَيْنَ akan menjadi بَأْيَنَ.

5) Kata kerja tersebut mestilah daripada wazan تَفَعِلٌ sama ada waaw seperti سَوْلَ

(minta sedekah), **تَهُوْزَ** (memanjat), **تَهُوْزَ** (muntah), **تَقْوُلَ** (berdusta), **تَلَوْنَ** (berwarna) dan **تَأْوِلَ** (menerangkan) atau pun yaa' seperti **تَطَيِّبَ** (mewangikan), **تَغْيِيبَ** (ponteng), **تَمَيِّزَ** (berbeza), **تَصَيِّدَ** (memancing), **تَشَيِّعَ** (menyokong) dan **تَرْيَثَ** (menangguhkan).

6) Kata kerja itu mestilah daripada wazan **افْعَلٌ** sama ada waaw seperti **اخْوَلٌ** (menjadi juling), **اعْفَوَرٌ** (menjadi buta sebelah mata) dan **اسْنَادٌ** (menjadi hitam) atau pun yaa' seperti **ابْيَضٌ** (menjadi putih), **اَغْبَادٌ** (menjadi lembut) dan **اَحْيَادٌ** (menjadi cenderong). ‘Ain kata tidak dijadikan huruf ‘illah kerana huruf sebelumnya adalah berbaris mati dan baris ‘ain tersebut tidak pula dipindahkan kepada huruf yang berbaris mati sebelumnya (sekalipun ia merupakan huruf jald yang menerima baris) kemudian ia dijadikan huruf ‘illah bagi mengelakkan kekeliruan dan pertemuan dua huruf berbaris mati.

7) Kata kerja tersebut mestilah daripada wazan **افْعَالٌ** sama ada waaw seperti **اخْوَالٌ** (menjadi juling) dan **اعْفَوَارٌ** (menjadi buta sebelah mata) ataupun yaa' seperti **ابْيَاضٌ** (menjadi putih) dan **اَغْبَادٌ** (menjadi lembut).

8) Kata kerja tersebut mestilah daripada wazan **افْتَعَلٌ** tetapi perlu mematuhi dua syarat berikut iaitu :

- a) ‘ain kata mestilah huruf waaw dan

b) polanya mestilah menunjukkan kepada makna berkongsi perbuatan (المُفَاعِلَة)

contohnya اجْتَسَرُوا (saling berjiran [m3m]), اشْتَوَرُوا (saling bermesyuarat [m3m]) dan

ازْدَرَجُوا (saling berpasangan [m3m]). Sekiranya ‘ain kata adalah huruf yaa’ sama ada

polanya menunjukkan kepada المُفَاعِلَة atau tidak, ia tetap wajib di‘illahkan seperti

contoh ابْتَاعُوا (membeli [m3m]), اسْتَأْفَوْا (mencium [m3m]), اكْتَالَ (menyukat) dan امْتَازَ

(memberi makan). Begitu juga sekiranya ‘ain katanya waaw tetapi polanya tidak

menunjukkan kepada المُفَاعِلَة seperti اسْتَاكَ (menggosok gigi), اسْتَاءَ (berdendam) dan

اْفْخَادَ (mengikut).

Selain daripada syarat yang telah disebutkan di atas, maka wajiblah ditukarkan kepada huruf ‘illah kecuali bagi 3 pola berikut, iaitu (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:164):

a) أَخَافَ seperti أَجَابَ (menjawab), أَقَامَ (mendirikan), أَهَابَ (menyeru) dan

(menakutkan) di mana أَقَامَ contohnya berasal daripada perkataan أَفْوَمْ dengan

dipindahkan baris waaw itu kepada huruf berbaris mati sebelumnya, iaitu qaaf.

b) الْقَادَ seperti الْقَادَ (mengikut) dan الْمَاعَ (terlarut) di mana perkataan

umpamanya berasal dari perkataan الْقَوَدَ. Huruf waaw yang berbaris didahului

oleh huruf yang berbaris atas sebelumnya, maka ia mesti ditukarkan kepada alif,

seterusnya perkataan itu menjadi الْقَادَ.

c) seperti استقامَ (lurus), استقالَ (meletak jawatan), استراحَ (berehat) dan

استقادَ (mengikui) di mana perkataan استقادَumpamanya berasal daripada perkataan

استقىدَ . Baris huruf ‘illah (yaa’) telah dipindahkan kepada huruf berbaris mati

sebelumnya (qaaf) kemudian ditukarkan huruf ‘illah tersebut kepada alif seterusnya
perkataan tersebut menjadi استقادَ.

Selain dari itu, terdapat beberapa perkataan lain di mana huruf ‘illahnya
bukan kerana di‘laalkan. Perkataan-perkataan tersebut dari pola أَنْفَلَ seperti dalam

ungkapan أَغْيَمَتِ السَّمَاءُ (langit berawan/mendung) dan أَغْوَلَ الصَّبَّيْ (bayi menangis

dengan suara yang kuat/menjerit) dari pola استفحَذَ استفعَلَ seperti dalam ungkapan استفحَذَ

استثْرَقَ الجَمَالُ (syaitan mengalahkan mereka), عَلَيْهِمُ الشَّيْطَانُ (unità menjadi betina)

dan استثْسَتِ الشَّاةُ (kambing menjadi jantan) (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:164).

Para ahli bahasa Arab berbeza pendapat dalam hal ini di mana Abu Zaid dan al-Jauhari mengatakan bahawa ia adalah bahasa yang fasih (betul) bagi satu kelompok orang Arab. Manakala sebahagian besar yang lain pula menyatakan bahawa apa yang disebutkan itu adalah shazz (janggal) dan tidak boleh dijadikan ukuran. Ibn Maalik telah membezakan di antara apa yang dienggari daripada itu, baginya kata kerja dasar tiga huruf seperti ungkapan غَامَتِ السَّمَاءُ sebenarnya adalah Ibn Maalik

menolak berlakunya pertukaran kepada huruf konsonan pada perkataan tersebut.
Adapun perkataan selain kata kerja tiga huruf asal, menurutnya adalah harus ditukarkan

kepada huruf konsonan seperti dalam ungkapan **استئنَقَ الجَمَالُ** (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:165).

b) **Kata Kerja Mu'tal Ajwaf Kala Lampau Setelah Diisnadkan Kepada Ganti Nama**

Menurut Muhammad Muhyi al-Diin (1990:165), bagi pola yang mesti ditashihkan (dikonsonangkan), hukumnya adalah sama seperti kata kerja saalim di mana tidak berlaku pada kata kerja tersebut apa-apa pengguguran, sama ada ganti nama itu berbaris seperti حَارَّتْ (mencuba [k1m]) , حَارَّلَنَا (kami mencuba), atau berbaris mati seperti حَارَّتْ (mencuba [d1f]), حَارَّلُوا (mencuba [m3m]).

Manakala sesuatu pola itu mesti diilaalkan dan kekal dalam bentuknya sekiranya diisnadkan kepada ganti nama berbaris mati seperti بَاعَتْ (menjual [m2m]) dan juga apabila diisnadkan kepada taa' ta'nith seperti بَاعَتْ (menjual [d1f]) (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:165).

Sekiranya kata kerja itu diisnadkan kepada ganti nama yang berbaris, maka ia mestilah digugurkan ‘ain kata kerana mengelakkan daripada pertemuan dua huruf berbaris mati. Sementara itu, semua pola yang mengandungi satu atau lebih huruf tambahan, ia mestilah kekal dalam keadaan asalnya setelah digugurkan ‘ain kata. Contohnya اِبَعَتْ (saya membeli) (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:166).

Bagi kata kerja dasar tiga huruf dari wazan **فَعْل** ('ain kata berbaris bawah), mesti ditarisbawahkan faa' kata bagi menunjukkan kepada baris 'ain kata yang digugurkan. Tidak terdapat perbezaan dalam hal ini bagi kata kerja yang berhuruf illahkan waaw atau yaa'. Contohnya **خَفْتُ** (*aku takut*), **مَتُّ** (*aku mati*) dan **هَبْتُ** (*aku takut*).

Perkataan **خَفْتُ** umpsamanya daripada perkataan **خَافَ** yang berasal daripada **خَوْفٌ** yang telah ditukarkan huruf 'illah (waaw) kepada alif. Kemudian huruf 'illah itu digugurkan kerana mengelakkan daripada pertemuan dua huruf yang berbaris mati (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:166).

Bagi kata kerja daripada wazan **فَعْل** ('ain kata berbaris atas), maka dibezakan di antara kata kerja yang berhuruf 'illahkan huruf waaw dan yaa'. Bagi wazan **يَفْعُلُ - فَعْلُ** - **فَعْل** (*aku berpuasa*), **قُدْتُ** (*aku memandu*) dan **قُلْتُ** (*aku berkata*). Manakala bagi kata kerja yang berhuruf illahkan yaa', faa' kata ditarisbawahkan bagi menunjukkan baris huruf yang digugurkan iaitu yaa'. Contohnya **بَعْتُ** (*aku menjual*), **طَبْتُ** (*aku baik*) dan **عَشْتُ** (*aku hidup*) (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:166).

Sekiranya 'ain kata berbaris depan (daripada wazan **فَعْل**), 'ain kata digugurkan dan faa' kata dibarispangkan bagi menunjukkan kepada huruf waaw. Contohnya **طَلْتُ** (*aku panjang*) (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:167).

c) Hukum Kata Kerja Ajwaf Kala Kini/depan

Bagi pola yang perlu dikonsonangkan ketika dalam keadaan kala kini/depan, pola tersebut tidak mengalami apa-apa perubahan. Contohnya **لَوْلَ** (lembut), **غِيدَ** (soft), **يَنْتَوِلُ** - **يَتَبَاعِيْعُ** - **يَتَبَاعِيْعَ** (menyampaikan), **يَقُولُ** - **يَقُولُ** - **يُسَوِّلُ** (memujuk), **يُسَوِّلُ** - **سَوْلَ** (berdusta), **يَتَأْوِلُ** - **يَتَأْوِلُ** (saling berjanji/taat setia) dan **يَحْوِلُ** - **يَحْوِلُ** - **إِخْوَلُ** (menjadi juling) (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:167).

Sementara bagi kata kerja yang mesti dii'laalkan, ia terbahagi kepada tiga jenis iaitu (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:167):

Kaedah	Wazan/pola	Contoh	Asal
1) Dii'laalkan dengan pembalikan huruf 'illah itu sendiri	الفَعْلَ	يَنْقَادُ - الْقَادَ	يَنْقُودُ
	اِفْتَعَلَ	(mengikut)	يَخْتَيِرُ
		يَخْتَارُ - اِخْتَارَ	
		(memilih)	

Ulasan: Perkataan **يَنْقُودُ**, huruf 'illahnya (waaw) diterbalikkan kepada aliff kerana

ia berbaris dan huruf sebelumnya berbaris atas. Begitu juga dengan perkataan **يَخْتَيِرُ** di mana huruf 'illahnya (yaa') diterbalikkan kepada alif kerana ia berbaris dan huruf sebelumnya berbaris atas (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:168).

Kaedah	Wazan/pola	Contoh	Asal
2) Dii'laalkan dengan Semua wazan kata pemindahan huruf 'illah kerja kala kini/depan itu sendiri.	يَقُولُ - قَالَ tiga huruf kecuali bagi wazan يَفْعُلُ - فَعِلَّ	(berkata) يَبْيَعُ - بَاعَ (menjual)	يَقُولُ يَبْيَعُ

Ulasan: Asal kepada perkataan يَقُولُ ialah يَقُولُ di mana baris depan huruf waaw dipindahkan kepada huruf konsonan sebelumnya, iaitu qaaf. Manakala perkataan يَبْيَعُ berasal daripada يَبْيَعُ di mana baris bawah huruf yaa' dipindahkan kepada huruf konsonan sebelumnya, iaitu baa' (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:168).

Kaedah	Wazan/pola	Contoh	Asal
3) Dii'laal dan dipindahkan sekaligus	يَفْعُلُ - فَعِلَّ أَفْعَلَ	يَخَافُ - خَافَ يَقِيمُ - أَقَامَ (mendirikan)	يَخَافُ يَقِيمُ

يَسْتَقْرُمُ يَسْنَدِقِيمُ - اسْتَقَامَ

(lurus)

Ulasan: Kata kerja يَخْرُفْ dipindahkan baris atas huruf waaw kepada huruf sebelumnya yang berbaris mati untuk menjadi يَخْرُفْ kemudian ditukarkan huruf waaw kepada huruf alif kerana ia berbaris dan huruf sebelumnya berbaris atas untuk menjadi يَخْافْ Kata kerja يَقْرُمْ dipindahkan baris bawah huruf waaw kepada huruf sebelumnya yang berbaris mati untuk menjadi يَقْوُمْ, kemudian ditukarkan huruf waaw kepada alif kerana ia berbaris dan huruf sebelumnya berbaris bawah untuk menjadi يَقِيمْ. Kata kerja يَسْتَقْرُمْ dipindahkan baris bawah huruf waaw kepada huruf sebelumnya yang berbaris mati untuk menjadi يَسْتَقْوُمْ, kemudian ditukarkan huruf waaw kepada alif kerana ia berbaris dan huruf sebelumnya berbaris bawah untuk menjadi يَسْتَقِيمْ(Muhammad Muhyi al-Diin 1990:168).

d) Hukum Kata Kerja Ajwaf Imperatif

Bagi kata kerja ‘ain katanya dikonsonangkan ketika kala lampau dan kala kini/depan, ia samalah dengan kata kerja saalim dalam keadaan imperatif. Contohnya اغْيُدْ (aghd) (lembutkanlah [k1m]), اَنْتَنْ (terangkan [k1m]) dan اَجْتَسِرْ (berjiranlah [k1m]) (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:169).

Sementara bagi kata kerja ‘ain katanya dii’laalkan, ketika kala lampau dan kala kini/depan, ia samalah dengan kata kerja kala kini/depan dalam keadaan majzum, iaitu dengan menggugurkan ‘ain kata sekiranya tidak bersambung dengan ganti nama berbaris mati atau ditaukidkan dengan salah satu nun taukid. Contohnya **خَفَّ** (*takutilah* [k1m]), **لَرْعَسْلَه** (*luruslah* [k1m]) dan **أَجِبْ** (*jawablah* [k1m]). Jika ia disambungkan dengan ganti nama berbaris mati ia menjadi **خَافِيْ** (*takutilah* [k1f]) dan jika diisnadkan kepada nuun taukiid ia menjadi **خَافِنْ** (*takutilah* [k1m]) (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:169).

e) Hukum Kata Kerja Ajwaf Diisnadkan Kepada Kata Ganti Nama

i) Kata Kerja Kala Kini.

Jika ia diisnadkan kepada ganti nama berbaris mati, maka ia kekal dalam keadaan sama ada perlu dii’laalkan atau dikonsonangkan. Kata kerja itu tidak digugurkan ‘ain katanya walaupun ia dalam keadaan majzum. Contohnya **يَخَافُونَ** (*takut* [m2m]), **تَخَافُ** (*takut* [m3m]), **لَنْ يَخَافَا** (*takut* [k1f]), **لَنْ يَخَافُ** (*tidak akan takut* [k2m]), **لَمْ تَخَافَا** (*tidak akan takut* [m3m]), **لَمْ تَخَافِيْ** (*tidak akan takut* [k1f]), **لَمْ تَخَافُوا** (*tidak takut* [k2m/f]), **لَمْ تَخَافُوا** (*tidak takut* [k3m]) dan **لَمْ تَخَافِيْ** (*tidak takut* [k1f]) (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:169-170).

Jika diisnadkan kepada ganti nama yang berbaris, maka digugurkan ‘ain katanya sama ada dalam keadaan marfuu’ , mansuub ataupun majzuum. Contohnya ﴿يَقْدِن﴾

(berkata [m3f]), لَمْ يَرْجِعْنَ (tidak akan melompat [m3f]), لَمْ يَرْعَكْ (tidak warak [m3f]).

‘Ain kata digugurkan untuk mengelak dari pertemuan dua huruf yang berbaris mati (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:170).

ii) Kata Kerja Imperatif

Jika kata kerja tersebut diisnadkan kepada ganti nama yang berbaris mati, maka ‘ain kata yang digugurkan ketika disambungkan dengan ganti nama terselindung akan dikembalikan. Contohnya قُوْلَا (katakanlah [k2m]), خَافَ (takutilah [k2m]), بِعْتَا

(jualkanlah [k2m]), قُوْلُواً (katakanlah [k3m]), خَافُواً (takutilah [k3m]), بِعْتُواً

(jualkanlah [k3m]), قُوْلِيْ (katakanlah [k1f]), خَافِيْ (takutilah [k1f]) dan بِعْتِيْ

(jualkanlah [k1f]) (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:170).

Jika kata kerja tersebut diisnadkan kepada ganti nama yang berbaris, maka ‘ain katanya kekal digugurkan. Contohnya قُلْنَ (katakanlah [k3f]), خَفْنَ (takutilah [k3f])

dan بِعْنَ (jualkanlah [k3f]) (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:170).

3.2.1.3 Derivasi Kata Kerja Mu'tal Naaqis (النَّاقِصُ).

Kata kerja mu'tal naaqis terdiri daripada enam jenis, iaitu (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:171-172):

- 1) Waaw yang kekal dalam keadaan asalnya. Contohnya بَلْوَرْ (mencarut), رَخْوَرْ (lembut) dan سَرْوَرْ (terhormat).
- 2) Yaa' yang kekal dalam keadaan asalnya. Contohnya زَكِيَّ (menaiki), رَقِيَّ (bersih), طَفِيَّ (melampaui batas) dan صَفِيَّ (mendengar).
- 3) Waaw yang ditukarkan kepada yaa'. Contohnya حَظِيَّ (beruntung), حَفِيَّ (berkaki ayam), حَمِيَّ (menghias), رَجِيَّ (berhenti bercakap), رَضِيَّ (redha) dan شَفِيَّ (celaka).
- 4) Waaw yang ditukarkan kepada alif. Contohnya سَمَّا (tinggi), دَعَا (mengajak) dan غَزَا (berperang).
- 5) Yaa' yang ditukarkan kepada waaw. Contohnya نَهُوَ (mencegah). Hanya terdapat satu perkataan sahaja dalam bahasa Arab dalam kategori ini (Ibn 'Aqiil : jil.4/298).
- 6) Yaa' yang ditukarkan kepada alif. Contohnya كَفِيَّ (melontar), هَمَيَّ (cukup) dan هَمَيَّ (mengalir).

Kata kerja mu 'tal naaqiṣ ini mempunyai lima wazan, iaitu (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:172):

Bil	Wazan	Contoh
1	يَفْعُلُ - فَعْلٌ	يَفْلِي - فَلَى (ingkar), يَمْرِي - مَرَى (meneliti)
2	يَفْعُلُ - فَعْلٌ	يَسْمُو - سَمَا (mengajak), دَعَا (tinggi)
3	يَفْعُلُ - فَعْلٌ	يَطْقُنِي - طَقْنَى (menuju), يَنْحَى - لَحَى (melampaui batas)
4	يَفْعُلُ - فَعْلٌ	يَسْرُو - سَرَوَ (lembut), يَرْخُو - رَخَوَ (terhormat)
5	يَفْعُلُ - فَعِلٌ	يَرْضَى - رَضِيَ (berkaki ayam), يَحْفَى - حَفَى (redha)

a) Hukum Kata Kerja Naaqiṣ Kala Lampau Sebelum Diisnadkan Kepada Kata Ganti Nama

Semua kata kerja mu 'tal naaqiṣ mesti ditukarkan laamnya kepada alif melainkan bagi kata kerja dasar tiga huruf . Ini adalah disebabkan oleh kesemua laam pada asalnya berbaris dan huruf sebelumnya berbaris depan. Contohnya **أَغْطَى** (*memberi*), **لَادَى**,

(*menyeru*), **بَرْبَدَى** (*berpandukan*), **الْهَوَى** (*jatuh*), **إِهْتَدَى** (*berjumpa*), **سَالِنْجَى** (*saling redha meredhai*) dan **إِسْتَدْعَى** (*memanggil*) (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:173).

Proses perubahan yang berlaku dapat dilihat dalam contoh perkataan **أَعْطَى** yang berasal daripada **أَعْطَى** di mana huruf yaa' berbaris dan huruf sebelumnya berbaris atas, jadi huruf yaa' itu ditukarkan kepada alif untuk menjadi **أَعْطَى**. Proses yang sama berlaku bagi contoh-contoh lain.

Sementara bagi kata kerja dasar tiga huruf, ia perlu dilihat kepada tiga sudut yang berkaitan dengan baris 'ain kata, iaitu samada 'ain kata itu berbaris depan, bawah atau atas (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:173).

1) 'Ain kata yang berbaris depan. Sekiranya laamnya adalah waaw, maka ia bebas dari sebarang perubahan contohnya **سَرْوَ**. Jika laamnya adalah yaa', maka ia ditukarkan

kepada waaw kerana letaknya dihujung huruf berbaris depan contohnya **سُورَ**.

2) 'Ain kata yang berbaris bawah. Sekiranya laam kata adalah yaa', maka ia bebas dari sebarang perubahan. Contohnya **بَقِيَ**. Sekiranya laam kata adalah huruf waaw, maka ia ditukarkan kepada yaa' kerana letaknya dihujung huruf berbaris bawah contohnya. Contohnya **رَضِيَ**.

'Ain kata yang berbaris atas. Kata kerja ini mesti ditukarkan laam kata kepada alif tidak kira sama ada huruf asalnya waaw ataupun yaa'. Contohnya **سَمَا** (*tinggi*) dan **رَمَى** (*melontar*). Pertukaran ini adalah kerana kedua-dua huruf tersebut berbaris dan huruf sebelumnya berbaris atas.

b) Hukum Kata Kerja Naaqis Kala Kini/depan Sebelum Diisnadkan Kepada Kata Ganti Nama

Dalam hal ini, tiga aspek perlu dilihat, iaitu baris huruf sebelum akhir sesuatu perkataan sama ada depan, bawah atau pun atas (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:174).

1) Sekiranya huruf sebelum akhir berbaris depan, maka laam kata mesti ditukar kepada waaw. Ia hanya berlaku kepada kata kerja kala kini/depan tiga huruf yang huruf ‘illahnya adalah waaw. Contohnya يَسْتَرُّ (terhormat) dan يَدْعُونَ (mengajak).

2) Sekiranya huruf sebelum akhir berbaris bawah, maka laam kata mesti ditukarkan kepada yaa’. Pertukaran ini berlaku kepada kata kerja kala kini/depan tiga huruf yang huruf ‘illahnya adalah yaa’ contohnya يَرْمِي , semua kepada kata kerja kala kini/depan empat huruf contohnya يُغْطِي dan kata kerja kala kini/depan yang bermula dengan hamzah wasl lima huruf seperti يَنْهَا وَيَنْهَى dan enam huruf contohnya يَسْتَوْلِي (menjawat).

3) Sekiranya huruf sebelum akhir berbaris atas, maka laam kata mesti ditukarkan kepada alif. Pertukaran ini berlaku kepada:

a) kata kerja kala kini/depan tiga dari wazan seperti يَفْعُلُ - فَعَلٌ and wazan seperti يَطْفَلُ - فَعَلٌ seperti يَفْعُلُ (melampaui batas).

b) kata kerja kala kini/depan lima huruf yang bermula dengan huruf taa’ tambahan. Contohnya يَتَوَلِّ (menangani/menjawat).

c) Hukum Kata Kerja Naaqis Kala Lampau Ketika Diisnadkan Kepada Kata Ganti Nama

Bagi kata kerja yang diisnadkan kepada ganti nama yang berbaris, jika laam kata adalah waaw atau yaa', maka kata kerja itu tidak mengalami sebarang perubahan contohnya

سَرُوتٌ رَضِيتُ (saya mulia) dan رَضِيتُ (saya redha). Sekiranya laam kata adalah alif, maka

ia perlu ditukarkan kepada yaa' bagi kata kerja lebih daripada tiga huruf seperti أَعْطَيْتُ (saya memberi)

إِسْتَدَاعْتُ (saya memanggil). Sementara bagi kata kerja tiga huruf

pula, maka laam kata dikembalikan kepada huruf asalnya. Contohnya غَزَّوْتُ (saya

berperang) dan رَمَيْتُ (saya melontar) (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:174-175).

Bagi kata kerja yang diisnadkan kepada taa' ta'nith, jika laam katanya adalah waaw dan yaa, maka kata kerja itu kekal dalam keadaan asal dan diberisataskan seperti سَرُوتٌ

(mulia [d1f]) dan رَضِيتُ (redha [d1f]). Sementara bagi kata kerja yang laam katanya

adalah alif, maka laam kata mesti digugurkan dalam kata kerja tiga huruf contohnya أَغْطَتُ، رَمَتُ، غَزَّتُ (mengajak [d1f]), (berperang [d1f]), (melontar [d1f]), دَعَتْ

(memberi [d1f]), وَلَتْ (menolong [d1f]) dan إِسْتَدَاعْتُ (memanggil [d1f]) (Muhammad

Muhyi al-Diin 1990:175).

Jika diisnadkan kepada ganti nama yang berbaris mati, sekiranya kata kerja tersebut diisnadkan kepada alif ithnain, maka ia kekal dalam keadaan asalnya sama ada huruf ‘illahnya adalah waaw ataupun yaa’. Contohnya سَرُواْ (mulia [m2m]) dan رَضِيَّا (redha [m2m]). Sekiranya laam kata adalah alif, maka ia mesti ditukarkan kepada yaa’ melainkan bagi kata kerja tiga huruf. Contohnya تَادِيَّا (memberi [m2m]), (menyeru[m2m]), اسْتَدْعِيَا (memanggil [m2m]). Manakala bagi kata kerja tiga huruf pula,huruf ‘illah dikembalikan kepada asalnya. Contohnya غَزَوَا (berperang [m2m]), دَعَوَا (mengajak [m2m]), رَمَيَا (melontar [m2m]) dan رَبَّيَا (derhaka [m2m])

(Muhammad Muhyi al-Diin 1990:175).

Sekiranya ganti nama itu adalah waaw jamaa‘ah, maka digugurkan laam kata tidak kira sama ada ia berasal daripada huruf waaw atau yaa’ ataupun alif. Huruf sebelum alif kekal berbaris atas sebagai tanda kepada huruf yang digugurkan. Contohnya أَغْطُواْ (memberi [m3m]) dan اسْتَدْعُواْ (memanggil [m3m]). Manakala huruf sebelum waaw ataupun yaa’ kekal berbaris depan bagi menyesuaikan dengan waaw jamaa‘ah. Contohnya سَرُواْ (mulia [m3m]), نَذَرُواْ (mencarut [m3m]) dan رَضِيَّا (redha [m3m])

(Muhammad Muhyi al-Diin 1990:175).

d) Hukum Kata Kerja Naaqis Kala Kini/depan Ketika Diisnadkan Kepada Kata Ganti Nama

Kata kerja naaqis kala kini/depan tidak mengalami sebarang perubahan apabila diisnadkan kepada nuun niswah jika laam katanya waaw seperti **يَسْرُونَ** (mulia [m3f])

dan **يَدْعُونَ** (*mengajak* [m3f]) atau laam katanya yaa' seperti **يَرْمِنَ** (*melontar* [m3f])

dan **يُعْطِنَ** (*memberi* [m3f]). Tetapi jika kata kerja naaqis laam katanya adalah alif, ia

mesti ditukarkan kepada yaa'. Contohnya **يَرْضِنَ** (*redha* [m3f]) dan **يَتَاجِنَ** (*saling bermunajat* [m3f]) (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:176).

Sementara itu jika kata kerja tersebut diisnadkan kepada alif ithnain, keadaannya sama dengan diisnad kepada nuun niswah, iaitu bebas daripada sebarang perubahan jika laam katanya adalah waaw dan yaa'. Jikalau laam katanya alif, maka ia perlu ditukar kepada yaa' melainkan huruf sebelum nuun niswah itu berbaris mati dan huruf sebelum alif ithnain, berbaris atas. Contohnya **يَسْرُوَانِ** (*mulia* [m2m]), **يَدْعُوَانِ** (*mengajak* [m2m]),

يَسْخَدِيَانِ (*memanggil* [m2m]) dan **يَتَاجِيَانِ** (*saling bermunajat* [m2m])

(Muhammad Muhyi al-Diin 1990:176).

Bagi kata kerja yang diisnadkan kepada waaw jamaa'ah, maka laam kata digugurkan samada ia daripada huruf waaw, yaa' ataupun alif. Huruf sebelum alif kekal

berbaris atas sebagai tanda kepada huruf yang digugurkan. Contohnya يَرْضَوْنَ (redha [m3m]) dan يَتَسَاجِّونَ (saling bermunajat [m3m]). Manakala huruf sebelum waaw dan yaa', maka ia kekal berbaris depan bagi menyesuaikan dengan waaw jamaa'ah. Contohnya يَسْرُوْنَ (mulia [m3m]) dan يَرْمُوْنَ (melontar [m3m]) (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:176).

Bagi kata kerja yang diisnadkan kepada yaa' muannathah mukhatabat, maka laam kata digugurkan, sama ada ia daripada huruf waaw, yaa' ataupun alif. Huruf sebelum alif kekal dalam keadaan berbaris atas sebagai tanda kepada huruf yang digugurkan seperti تَخْشِيْنَ (takut [k3f]) dan ئَرْضِيْنَ (redha [k3f]). Manakala huruf sebelum waaw dan yaa' pula kekal dalam keadaan berbaris bawah bagi menyesuaikan dengan yaa' mukhaatabah. Contohnya ئَذْعِيْنَ (mengajak [k3f]), ئَغْلِيْنَ (tinggi [k3f]) dan ئَرْمِيْنَ (melontar [k3f]) (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:177).

e) Hukum Isnad Kata Kerja Imperatif Kepada Kata Ganti Nama

Asalnya, laam kata kerja naaqiṣ digugurkan apabila ditukarkan kepada kata kerja suruhan. Pengguguran ini adalah kerana kata kerja suruhan dibina daripada pengguguran huruf 'illah. Namun, apabila kata kerja tersebut diisnadkan kepada ganti nama, maka laam kata dikembalikan semula (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:177).

Kata kerja naaqiṣ ini apabila diisnadkan kepada nuun niswah ataupun alif ithnain, maka laam katanya tidak mengalami sebarang perubahan. Jika ia daripada huruf waaw

seperti اُسْرُونْ (mulialah [k3f]) dan أُسْرُوا (mulialah [k3m]) ataupun yaa' seperti اِرْضَيْنَ (redhalah [k3f])

(redhalah [k3f]) dan اِرْضَيْتَ (redhalah [k2m/f]). Manakala bagi kata kerja naaqiṣ di

mana laam katanya adalah huruf alif, maka ia ditukar kepada huruf yaa'. Contohnya اِرْمِيْنَ (lontarlah [k3f]) dan اِرْمِيْتَ (lontarlah [k2m]) (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:177).

Sementara itu, bagi kata kerja naaqiṣ yang diisnadkan kepada waaw jamaa'ah atau yaa' mukhaatabah, maka laam kata digugurkan, sama ada ia daripada huruf waaw, yaa' ataupun alif. Huruf sebelum alif kekal berbaris atas ketika diisnadkan kepada waaw jamaa'ah dan yaa' mukhaatabah. Contohnya اِرْضُوا (redhalah [k3m]) dan اِرْضَيْنَ (redhalah [k1f]).

Huruf sebelum yaa' kekal berbaris bawah ketika diisnadkan kepada yaa' mukhaatabah. Contohnya اِسْرَيْ (mulialah [k1f]). Huruf sebelum waaw yang

berbaris depan ketika diisnadkan kepada waaw jamaa'ah. Contohnya اِرْمُوا (lontarlah [k3m]) dan اِعْطُوا (berikanlah [k3m]) (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:177).

3.2.1.4 Derivasi Kata Kerja Mu'tal Lafiif (لفیف)

Kata kerja mu'tal lafiif ini terbahagi dua bahagian, iaitu:

a) Derivasi Kata Kerja Mu'tal Lafiif Maqruun (لفیف مَقْرُونٌ)

Pada asasnya tidak terdapat 'ain kata daripada huruf yaa' dan laam kata daripada huruf waaw. Dalam hal ini terdapat perselisihan di kalangan ahli bahasa terdahulu di mana

Abuu 'Uthmaan al-Maaziniyy berpendapat bahawa huruf waaw dalam perkataan الحيوان (binatang) adalah asal dan bukannya ditukar daripada huruf yaa'. Sementara aliran

Siibawah dan al-Khalil pula menyatakan bahawa huruf waaw ini berasal daripada huruf yaa' di mana asal perkataan حيّان ialah حيّان. Mereka tidak menyukai perturutan

huruf yaa' dengan menukar huruf yaa' kedua kepada waaw. Pendapat kedua ini dikuatkan oleh pandangan Abu 'Ali (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:185).

Selain itu, tidak terdapat perkataan di mana 'ain dan laam kata daripada huruf yaa' melainkan dua perkataan sahaja, iaitu حيّ (hidup) dan وَعِيْ (sedar). Begitu juga tidak terdapat 'ain dan laam kata daripada huruf waaw yang kekal dalam keadaan asalnya. Ini adalah disebabkan kesusahan untuk menyebutkan perkataan yang mempunyai susunan dua huruf waaw berturut-turut (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:185).

Bentuk kata kerja laifiif maqrūun yang terdapat dalam bahasa Arab adalah seperti berikut (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:185):

- 1) 'Ain dan laam kata daripada huruf waaw yang ditukar daripada huruf alif.

Contohnya حُرَيْ (menghimpunkan), عَرَيْ (menyalak) dan غَرَيْ (sesat).

- 2) 'Ain dan laam kata daripada huruf waaw yang ditukar daripada huruf yaa'.

Contohnya قُرَيْ (sesat), قَوَيْ (kuat) dan جَوَيْ (dukacita).

- 3) 'Ain dan laam kata daripada huruf waaw yang kekal dalam bentuk asalnya.

Contohnya دَوَيْ (sakit), ذَوَيْ (layu) dan رَوَيْ (minum dan puas).

- 4) 'Ain kata daripada huruf waaw dan laam kata daripada huruf yaa' yang

ditukarkan daripada huruf alif. Contohnya أُوىْ (*mendiami*), ثوَىْ (*mendiami*) dan حَوَىْ (*menghimpunkan*).

5) ‘Ain dan laam kata daripada huruf yaa’ yang kekal dalam bentuk asalnya.

Contohnya حَيِّ (*hidup*) dan وَعِيْ (*sedar*).

Kata kerja lafiif maqruun yang tiga huruf ini mempunyai dua wazan, iaitu (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:186):

Bil	Wazan	Contoh
1	يَفْعِلُ - فَعَلْ	يَغْرِيْ - غَرَىْ (<i>menyalak</i>) يَخْرِيْ - خَرَىْ (<i>menghimpunkan</i>)
2	يَفْعَلُ - فَعَلْ	يَغْوِيْ - غَوَىْ (<i>sesat</i>) يَقْوِيْ - قَوَىْ (<i>kuat</i>)

‘Ain kata tidak boleh dii’laalkan sama sekali dan ia akan kekal dalam keadaannya seperti pada ‘ain kata berhuruf konsonan. Sementara itu, bagi laam kata, maka ia seperti hukum laam kata pada kata kerja naaqis di mana ia sama ada (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:186-187):

a) perlu ditukarkan kepada alif seperti طَوَىْ (*melipat*), لَوَىْ (*memintal*) dan غَوَىْ (*memintal*)

(sesat) bagi kata kerja kala lampau dan يَهْرَى (cinta) kuat) dan يَخْوَى

(dukacita) bagi kata kerja kala kini/depan,

b) digugurkan baris seperti يَطْرُى (melipat), يَنْتَرِى (berniat) dan يَلْتَوِى (memintal).

c) digugurkan laam kata seperti dalam kata kerja kala kini/depan majzuum yang
diisnadkan kepada ganti nama nyata (zaahir) atau tersembunyi seperti لَمْ يَطْرُرْ مُحَمَّدٌ

(Muhammad tidak memintal) dan لَمْ يَلْتَوِي (tidak melipat), kata kerja suruhan yang

diisnadkan kepada ganti nama tersembunyi seperti اِطْرِيَا (lipatlah [k2m/f]) dan semua

kata kerja lafiif maqruun yang diisnadkan kepada waaw jamaa'ah atau yaa'
mukhaatabah seperti طَوَّرَا (melipat [m3m]), يَطْلُونَ (melipat [m3m]) اُطْرُوا (lipatlah

[k3m]) اُطْرِيَ (melipat [k1f]) dan تَطْوِينَ (lipatlah [k1f]).

b) Derivasi Kata Kerja Mu'tal Lafiif Mafruuq (لفيف مفروق)

Kebanyakan perkataan daripada kata kerja lafiif mafruuq ini, faa' katanya berasal
daripada huruf waaw. Hanya satu sahaja perkataan yang bermula dengan huruf yaa'
iaitu يَدِي (memberi kebaikan). Manakala laam katanya hanyalah daripada huruf yaa',

sama ada ia kekal dalam bentuk asal seperti وَجْنَى (haus tapak kaki) dan وَكَى

(memerintah) ataupun ditukar kepada huruf alif seperti وَخَنِى (mengajar) dan وَدَى

(membayar diait) (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:182).

Kata kerja lafiif mafruuq ini terdiri daripada tiga wazan, iaitu (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:182-183):

Bil	Wazan	Contoh
1	يَفْعُلُ - فَعَلَ	يَعْنِي - وَعَى (sedar)
2	يَفْعُلُ - فَعَلَ	يَوْجَى - وَجِى (haus tapak kaki)
3	يَفْعُلُ - فَعَلَ	يَلْبَى - وَلِبَى (memerintah) يَرِبِّى - وَرِبِّى (lebat)

Kata kerja lafiif mafruuq ini dari segi faa' kata, maka ia samalah halnya dengan kata kerja mithaal. Manakala dari segi laam kata, maka ia samalah halnya dengan kata kerja naaqis. Secara jelasnya, faa' kata berhurufkan yaa kekal pada kala kini/depan atau suruhan seperti اِنْدِىٰ , يَدِىٰ dan اِنْدِىٰ atau faa' kata berhurufkan waaw di mana 'ain katanya berbaris atas. Contohnya اَوْجَ وَجِى (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:183).

Sementara itu, faa' kata kerja lafiif mafruuq (kata kerja dasar tiga huruf kala kini dan suruhan) digugurkan jika ia berhurufkan waaw dan 'ain kata berbaris bawah. Contohnya يَلْبَى - وَلِبَى (lemah), يَعْنِي - وَعَى (memerintah) dan - وَرِبِّى يَرِبِّى (lebat) (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:183).

Laam kata digugurkan bagi kata kerja kala kini/depan majzuum atau suruhan, kecuali jika diisnadkan kepada nuun niswah atau alif ithnain. Contohnya لَمْ يَعْيِنْ (tidak sedar [m3f]) dan عَيْنَ (sedarlah [m3f]). Jika diisnadkan kepada alif ithnain, maka ia menjadi يَعْيَانِ (sedar [m2m]) dan يَعْيَانٍ (lemah [m2m]). Nuun raf' digugurkan ketika ia majzuum dan mansuub. Contohnya عَيَا (sedarlah [k2m]) dan لَيَا (lemahlah [k2m]) (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:183).

Laam kata digugurkan jika diisnadkan kepada waaw jamaa'ah dan yaa' mukhaatabah atau ganti nama tersembunyi sekalipun kata kerja tersebut hanya tinggal satu huruf sahaja, iaitu 'ain kata. Pada ketika itu, ia mesti ditambah huruf haa' sakt (هاء السكت) bagi kata kerja suruhan yang diisnadkan kepada ganti nama tersembunyi ketika diwaqafkan (diberhentikan). Contohnya قِلْ (jagalah [k1m]), لِ (perintahlah [k1m]) dan فِي (tunaikanlah [k1m]). Selain itu, harus juga untuk ditambahkan haa' sakt bagi kata kerja kala kini majzuum yang diisnadkan kepada ganti nama terselindung ketika waqaf. Contohnya لَمْ يَرْقِ (tidak menjaga [d1m]) dan لَمْ يَرِدْ (tidak memerintah [d1m]) atau kekal tanpa tambahan haa' sakt seperti لَمْ يَرِقْ (tidak menjaga [d1m]) dan لَمْ يَرِدْ (tidak memerintah [d1m]) ketika wasl (sambung) atau waqaf (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:183-184).

3.2.2 Jenis-jenis Kata Nama Mu'tal

3.2.2.1 Kata Nama Pelaku

Kata nama pelaku ialah kata nama yang diderivasikan daripada kata kerja untuk menunjukkan sifat kepada pelaku yang melakukan sesuatu perbuatan. ('Abduh al-Raajihiiy 1984:75)². Bagi kata kerja tiga huruf, wazannya ialah **فاعِلٌ**.

a) Kata Kerja Mu'tal Mithaal

Tidak terdapat sebarang perubahan yang berlaku kepada huruf 'illah. Huruf 'illah dikekalkan dalam bentuk asalnya. Contohnya kata kerja mithaal waaw وَعَدَ (berjanji)

menjadi وَاعِدٌ (yang berjanji) dan kata kerja mithaal yaa' يَسِّرْ (kering) menjadi يَابِسٌ

(yang kering)

b) Kata Kerja Mu'tal Ajwaf

Terdapat perubahan yang berlaku kepada huruf 'illah di mana jika dilihat pada kata nama pelaku. Contoh kata kerja مَاعِلٌ (menjual) menjadi مَاعِنٌ (penjual) iaitu berlaku

padanya penukaran huruf 'illah alif kepada huruf hamzah. ('Abduh al-Raajihiiy 1984:76). Asal kepada perkataan مَاعِلٌ ialah بَيْعٌ dan asal kepada perkataan مَاعِنٌ ialah

بَاعِنٌ (Muṣṭafaa Ghalaayiniyy 1992: jil.1/179).

²Lihat juga Muhammad Muhyi al-Diin (1994: jil.3/194 dan 1988: jil.2/100), Muṣṭafaa Ghalaayiniyy (1992:178)Raajii al-Asmar (1993:125)

c) Kata Kerja Mu'tal Naaqis

Huruf 'illah kata kerja tersebut akan digugurkan dalam dua keadaan, iaitu semasa berada dalam keadaan kasus nominatif dan genitif. Manakala dalam keadaan kasus akusatif, ia dikekalkan. Contohnya دعًا (mengajak) menjadi داعٍ (pengajak) (nominatif dan genitif) dan menjadi داعيًّا (akusatif) ('Abduh al-Raajihiiy 1984:76). Kata nama ini juga dikenali sebagai kata nama manquuṣ. Kata nama manquuṣ sekiranya dalam keadaan am (nakirah) dan bukan diidafahkan, yaa'nya akan digugurkan ketika dalam keadaan nominatif dan genitif. Yaa'nya kekal ketika dalam keadaan akusatif ('Abduh al-Raajihiiy 1984:110). Perkataan الداعي , asalnya adalah الداعُ . Proses i 'laal yang berlaku kepada perkataan itu adalah disebabkan oleh kedudukan waaw di hujung perkataan yang mewajibkannya ditukarkan kepada yaa' (Ibraahiim t.th:52).

d) Kata Kerja Mu 'tal Lafiif Mafruuq

Perubahan yang berlaku kepada huruf 'illah adalah sama seperti yang berlaku kepada huruf 'illah dalam kata kata kerja mu'tal naaqis kerana huruf 'illahnya terletak di hujung perkataan. Contohnya kata kerja mu'tal lafiif mafruuq (memerintah) menjadi وَالْمَفْرُوقُ (pemerintah) (nominatif dan genitif) dan menjadi وَالْمَفْرُوقَ (akusatif).

e) Kata Kerja Mu'tal Lafiif Maqruuun

Perubahan yang berlaku kepada huruf 'illah ini juga sama seperti yang berlaku kepada huruf 'illah dalam kata kata kerja mu'tal naaqis kerana huruf 'illahnya terletak di hujung

perkataan. Contohnya kata kerja رَوِيْ (dahaga) menjadi رَأُوا (orang yang dahaga) (nominatif dan genitif) dan menjadi رَأَوْيَا (akusatif).

Bagi kata kerja yang lebih daripada tiga huruf, maka kaedah menyatakan bahawa wazannya adalah sama seperti wazan kata kerja kala kini/depan dengan menambahkan miim yang berbaris depan di pangkalnya dan huruf kedua terakhir ditarisbawahkan (Muhammad Muhyi al-Diin 1988: jil. 2/129)

Wazan-wazannya adalah seperti berikut:

Bil	Bab	Wazan
1	يُفْعِلُ - أَفْعَلَ	مُفْعِلٌ
2	يُفَعَّلُ - فَعَلَ	مُفَعَّلٌ
3	يُفَاعِلُ - فَاعَلَ	مُفَاعِلٌ
4	يَتَفَعَّلُ - تَفَعَّلَ	مُتَفَعَّلٌ
5	يَتَفَاعَلُ - تَفَاعَلَ	مُتَفَاعَلٌ
6	يَفْتَعِلُ - فَتَعَلَ	مُفْتَعِلٌ
7	يَسْتَفْعِلُ - إِسْتَفَعَلَ	مُسْتَفْعِلٌ

a) Kata Kerja Mu'tal Mithaal

Daripada ketujuh-tujuh wazan di atas, tidak terdapat sebarang perubahan kepada huruf 'illah kecuali bagi dua bab, iaitu يَفْتَعِلُ - فَتَعَلَ dan يُفْعِلُ - أَفْعَلَ. Contoh bab pertama

ialah kata kerja **أَوْصَلَ** (*menyampaikan*) menjadi **مُوْصِلٌ** (*penyampai*) di mana huruf hamzah dipangkal perkataan telah ditashilkan (dimudahkan bacaannya). Manakala bagi bab kedua pula ialah kata kerja **أَنْصَفَ** (*bersifat*) menjadi **مُتَصَّفٌ** (*yang bersifat*).

Perkataan **الْمَفْصُلُ** sebenarnya adalah berasal daripada **اِرْتَصَافٍ** di mana huruf waaw telah ditukarkan kepada huruf taa' yang berbaris mati bagi memudahkan sebutan dan seterusnya berlaku penyerapan faa' kata (taa' pertama) ke dalam taa' kedua. ('Abduh al-Raajihiyy 1984:178). Penukaran dan penyerapan huruf yang sama berlaku apabila kata kerja tersebut diderivasikan kepada kata nama pelaku.

b) Kata Kerja Mu'tal Ajwaf

Perubahan huruf 'illah berlaku pada bab **أَفْعَلٌ** - **يَفْعُلُ** - **أَفْتَعِلُ** - **يَفْتَعِلُ** dan

أَقْمَ (mendirikan) (asalnya بِسْتَفْعَلُ. Bagi bab yang pertama contoh kata kerja اسْتَفْعَلَ

ialah (أَفْوَمْ) menjadi (مُقْرِّبٌ) (orang yang mendirikan) di mana perkataan tersebut

berasal daripada **مقوم** , tetapi telah berlaku perubahan di mana baris waaw telah

dipindahkan kepada huruf konsonan sebelumnya yang berbaris mati (مُقْوِم), kemudian

ditukarkan huruf waaw kepada yaa' kerana huruf itu pada asalnya berbaris dan huruf sebelumnya berbaris bawah.

Contoh bagi bab kedua ialah kata kerja اختبار yang menjadi مختار di mana secara

kasar ia berbeza dengan wazannya iaitu **مفتاح**. Sebenarnya, kata nama tersebut berasal

daripada perkataan مُخْتَيِّرٌ tetapi telah berlaku pada kata nama tersebut penukaran huruf yaa' kepada huruf alif disebabkan oleh huruf yaa' tersebut berbaris dan huruf sebelumnya berbaris atas. Proses perubahan yang sama juga berlaku kepada bab ketiga .

Contohnya kata kerja الْفَادَ (turut) menjadi مُنْفَادٌ (yang menurut).

Manakala bagi bab keempat pula contohnya kata kerja اسْتَعَانَ (meminta pertolongan) yang menjadi مُسْتَعِينٌ (orang yang meminta pertolongan) adalah berasal dari pada مُسْتَغْفِرٌ. Proses i'ilaal telah berlaku pada kata nama pelaku tersebut huruf waaw telah ditukarkan kepada huruf yaa' untuk menjadi مُسْتَغْفِرٌ Kemudian baris yaa' telah dipindahkan kepada huruf konsonan sebelumnya.

Jelas kepada kita jika diperhatikan, bahawa proses perubahan yang berlaku kepada kata nama pelaku di atas adalah sama dengan apa yang berlaku kepada kata kerja ajwaf ketika ditasrifkan kepada kala kini (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:168)

c) Kata Kerja Mu'tal Naaqis

Perubahan yang berlaku kepada huruf 'illah adalah sama seperti yang berlaku kepada huruf 'illah bagi kata kerja tiga huruf. Contohnya perkataan أَهْدَى (menghadiahkan) menjadi مُهْدِى (pemberi hadiah).

d) Kata Kerja Mu‘tal Lafiif Mafruuq

Perubahan berlaku kepada kata kerja ini adalah sama seperti yang berlaku kepada kata kerja mu‘tal naaqis. Contohnya perkataan أوصى (memberi wasiat) menjadi موصٍ (pemberi wasiat).

e) Kata Kerja Mu‘tal Lafiif Maqrūun

Kata kerja ini juga sama halnya dengan perubahan yang berlaku kepada kata kerja mu‘tal naaqis. Contohnya perkataan أرزي (memuaskan dahaga) menjadi مُرزوٌ (orang yang memuaskan dahaga).

3.2.2.2 Kata Nama Objek

Kata nama objek/penderita ialah kata nama yang diderivasikan daripada kata kerja kala kini transitif pasif yang menunjukkan sifat objek yang dikenakan sesuatu perbuatan ke atasnya. ('Abduh al-Raajihiiy 1984:81)³.

Wazan kata nama objek bagi kata kerja tiga huruf ialah مفعولٌ.

a) Kata Kerja Mu‘tal Mithaal

Tidak terdapat sebarang perubahan yang berlaku kepada huruf ‘illah. Huruf ‘illah dikekalkan dalam bentuk asalnya. Contohnya, kata kerja mithaal waaw وعَد (berjanji)

menjadi موعودٌ (yang dijanjikan) dan kata kerja mithaal yaa' يسّ (kering) menjadi

ميسٌ (yang kering)

³Lihat juga Muhammad Muhyi al-Diin (1994,jil.3/208), Muṣṭafaa Ghalaayiniyy (1992:182) Raajii al - Asmar (1993:132)

b) Kata Kerja Mu'tal Ajwaf

Terdapat perubahan yang berlaku kepada huruf 'illah apabila kata kerja ini ditukarkan kepada kata nama objek. Perubahan ini berlaku mengikut asal kepada huruf 'illah tersebut. Contohnya kata kerja بَاعَ (menjual) menjadi بِيعٌ (yang dijual). Asalnya ialah

مَبْيَعٌ iaitu mengikut wazannya مَفْعُولٌ. Di sini berlaku pengalihan baris yaa' kepada

huruf sebelumnya iaitu baa' (مَبْيَعٌ). Kemudian huruf waaw digugurkan kerana

berlakunya pertemuan dua huruf mati (مَبْيَعٌ). Akhirnya huruf baa' ditarisbahawan

untuk diserasikan dengan huruf yaa'. ('Abduh al-Raajihiiy 1984:185). Manakala bagi

perkataan قَالَ (berkata) kata nama objeknya ialah مَقْوُلٌ (yang dikatakan) di mana

asalnya ialah مَقْرُولٌ. Baris waaw telah dipindahkan kepada huruf konsonan sebelumnya

yang berbaris mati iaitu, qaaf (مَقْرُولٌ). Apabila berlakunya pertemuan dua huruf yang

berbaris mati, maka huruf yang keduanya akan digugurkan untuk menjadi مَقْوُلٌ.

('Abduh al-Raajihiiy 1984:185).

c) Kata Kerja Mu'tal Naaqiq

Berlaku perubahan kepada huruf 'illah dalam kata kerja mu 'tal naaqiq ini. Perubahan ini bergantung kepada asal huruf 'illah tersebut. Contohnya perkataan رَضِيَ (redha) di

mana huruf yaa' tersebut adalah berasal daripada huruf waaw (رَضِيَ). Kata nama objek

kepada kata kerja ini ialah **مَرْضٰي** (*yang diredhai*) yang berasal daripada perkataan

مَرْضٰوٰز. Perubahan yang berlaku di sini ialah dimana huruf waaw ditukarkan kepada

huruf yaa' (**مَرْضٰوٰي**). Kemudian waaw kedua ditukarkan kepada yaa' kerana huruf

sebelumnya berbaris mati dan seterusnya diserapkan ke dalam yaa' yang kedua

(**مَرْضٰي**). Akhirnya baris hadapan huruf daad ditukarkan kepada baris bawah untuk

disesuaikan dengan huruf yaa' (**مَرْضٰي**) (Ibraahiim t.th:70). Manakala bagi perkataan

دَعَا (*menyeru*) di mana huruf alif tersebut asalnya ialah waaw iaitu **دَعَوْ**, maka kata

nama objeknya ialah **مَذْعُورٌ** (*yang diseru*) yang berasal daripada perkataan **مَذْعُورٌ** di

mana berlaku penyerapan huruf waaw pertama ke dalam waaw kedua untuk menjadi

مَذْعُورٌ ('Abduh al-Raajihiiy 1984:82).

d) Kata Kerja Mu'tal Lafiif Mafruuq

Kata kerja ini juga sama halnya dengan perubahan yang berlaku kepada kata kerja

mu'tal naaqis. Contohnya perkataan **وَلِيٰ** (*memerintah*) menjadi **مَوْلَى** (*yang diperintah*)

e) Kata Kerja Mu'tal Lafiif Maqruun

Kata kerja ini sama juga halnya dengan perubahan yang berlaku kepada kata kerja

mu'tal naaqis. Contohnya perkataan **دَوِيٰ** (*dahaga*) menjadi **مَرْدُوٰي** (*yang*

didahagakan).

Bagi kata kerja yang lebih daripada tiga huruf, wazannya adalah seperti berikut:

Bil	Bab	Wazan
1	يُفْعِلُ - أَفْعَلْ	مُفْعَلٌ
2	يُفَعِّلُ - فَعَلْ	مُفَعَّلٌ
3	يُفَاعِلُ - فَاعَلْ	مُفَاعَلٌ
4	يَتَفَعَّلُ - تَفَعَّلْ	مُتَفَعَّلٌ
5	يَتَفَاعَلُ - تَفَاعَلْ	مُتَفَاعَلٌ
6	يَفْتَعِلُ - اِفْتَعَلْ	مُفْتَعَلٌ
7	يَسْتَفْعِلُ - اِسْتَفَعَلْ	مُسْتَفَعَلٌ

a) Kata Kerja Mu‘tal Mithaal

Daripada ketujuh-tujuh wazan di atas, tidak terdapat sebarang perubahan kepada huruf ‘illah kecuali bagi dua bab iaitu يَفْتَعِلُ - اِفْتَعَلْ dan يُفْعِلُ - أَفْعَلْ. Contoh bab pertama ialah

kata kerja مُوصَل (menyampaikan) menjadi أَوْصَل (yang disampaikan) di mana huruf hamzah dipangkal perkataan telah ditashilkhan (dimudahkan bacaannya). Manakala bagi bab kedua pula ialah kata kerja مُتَصَّف (bersifat) menjadi أَتَصَّف (yang disifatkan).

Perkataan أَتَصَّف sebenarnya adalah berasal daripada di mana huruf waaw telah ditukarkan kepada huruf taa’ yang berbaris mati bagi memudahkan sebutan dan seterusnya berlaku penyerapan faa’ kata (taa’ pertama) ke dalam taa’ kedua. (‘Abduh

al-Raajihiyy 1984:178). Penukaran dan penyerapan huruf yang sama berlaku apabila kata kerja tersebut diderivasikan kepada kata nama pelaku.

b) Kata Kerja Mu'tal Ajwaf

Perubahan huruf 'illah berlaku pada bab يُفْعِلُ - اِفْعَلُ - اِفْتَعِلُ - اِنْفَعِلُ dan

Bagi bab yang pertama contoh kata kerja أَقَامَ (mendirikan) (asalnya

ialah أَفَوْمَ مقام (yang didirikan) di mana perkataan tersebut berasal daripada

مَقْوَمٌ ، tetapi telah berlaku perubahan di mana baris waaw telah dipindahkan kepada

huruf konsonan sebelumnya yang berbaris mati (مَقْوَمٌ)، kemudian ditukarkan huruf

waaw kepada yaa' kerana huruf itu pada asalnya berbaris dan huruf sebelumnya berbaris bawah.

Contoh bagi bab kedua ialah kata kerja اخْتَارَ (memilih) yang menjadi (yang dipilih) di mana secara kasar ia berbeza dengan wazannya iaitu مُفْتَحَلٌ. Sebenarnya, kata

nama tersebut berasal daripada perkataan مُخْتَيَرٌ tetapi telah berlaku pada kata nama tersebut penukaran huruf yaa' kepada huruf alif disebabkan oleh huruf yaa' tersebut berbaris dan huruf sebelumnya berbaris atas. Proses perubahan yang sama juga berlaku kepada bab ketiga . Contohnya kata kerja القَادَ (turut) menjadi مُنْقَادٌ (yang diturut).

Manakala bagi bab keempat pula contohnya kata kerja اسْتَعِانَ (*meminta pertolongan*) yang menjadi مُسْتَعِنَ (*yang dipinta pertolongan*) adalah berasal daripada مسْتَغْفِرَةٌ. Proses i'laal telah berlaku pada kata nama pelaku tersebut huruf waaw telah ditukarkan kepada huruf yaa' untuk menjadi مُسْتَغْفِرَةٌ. Kemudian baris yaa' telah dipindahkan kepada huruf konsonan sebelumnya. مُسْتَغْفِرَةٌ. Akhirnya huruf yaa' ditukarkan kepada huruf alif untuk menserasikan dengan baris atas مُسْتَغْفِرَةٌ. Jika diperhatikan, proses perubahan yang berlaku kepada kata nama objek di atas adalah sama dengan apa yang berlaku kepada kata kerja ajwaf ketika ditasrifkan kepada kala kini (Muhammad Muhyi al-Diin 1990:168)

c) Kata Kerja Mu'tal Naaqis

Perubahan yang berlaku kepada huruf 'illah adalah sama seperti yang berlaku kepada huruf 'illah bagi kata kerja tiga huruf. Contohnya perkataan أَهْدَى (*menyampaikan*) menjadi مُهْدَّى (*yang disampaikan*).

d) Kata Kerja Mu'tal Lafiif Mafruuq

Perubahan berlaku kepada kata kerja ini adalah sama seperti yang berlaku kepada kata kerja mu'tal naaqis. Contohnya, perkataan أَوْصَى (*memberi wasiat*) menjadi مُنْهَضٌ (*yang diberi wasiat*).

e) Kata Kerja Mu'tal Lafiif Maqruun

Kata kerja ini juga sama halnya dengan perubahan yang berlaku kepada kata kerja mu'tal naaqiṣ. Contohnya perkataan أَرْوَى (memuaskan dahaga) menjadi مُرْزُقُ (yang dipuaskan dahaga).

3.2.2.3 Maṣdar

Maṣdar ialah kata nama terbitan yang menunjukkan kepada sesuatu perbuatan dengan tidak menunjukkan kepada masa berlakunya perbuatan tersebut. ('Abduh al-Raajiihiyy 1984: 66)⁴.

Maṣdar terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu Maṣdar asli (ال مصدر الأصلي), maṣdar miimiiy (المصدر الميموي) dan maṣdar sinaa'iyy (المصدر الصناعي) (Abbaas Hasan:

jil.3/181-186). Maṣdar asli ialah kata nama terbitan yang hanya menunjukkan kepada makna sahaja, tidak berpangkalkan huruf miim dan tidak berhujungkan huruf yaa' tambahan yang bersabdu dan selepasnya huruf taa' ta'nith marbutah (Raajii al-Asmar 1993:377). Manakala maṣdar miimiiy ialah maṣdar yang berpangkalkan huruf miim tambahan dan tidak berhujungkan huruf yaa' bersabdu selepasnya taa' marbutah (Raajii al- Asmar 1993:383). Sementara maṣdar sinaa'iyy pula bermaksud maṣdar yang berhujungkan yaa' yang bersabdu dan selepasnya taa' ta'nith marbutah (Raajii al-Asmar 1993:378).

⁴Lihat juga al-Haashiimiy (tt: 302), Muṣṭafaa Ghalaayiniyy (1992 : jil.1/160) Raajii al-Asmar (1993:372)

Bagi kata kerja tiga huruf, maṣdar dibina daripada wazan secara analogi (قَاسِيٌّ)

dan juga secara dengar (سِمَاعِيٌّ). Wazan bagi maṣdar yang dibina secara dengar adalah

terlalu banyak dan untuk mengetahuinya perlulah merujuk kepada kamus dan buku-buku bahasa (Raajii al-Asmar 1993:372). Manakala wazan kepada maṣdar yang dibina

secara analogi ialah: فَعَالَةٌ وَفُعْلَةٌ وَفَعْلَنْ وَفَعْلَنْ وَفَعْلَنْ وَفَعْلَنْ

(Raajii al-Asmar 1993:372-373). Menurut ‘Abduh al-Raajihiyy (1984:66-68), wazan bagi maṣdar kata kerja tiga huruf ini tidak mengikut kaedah umum kerana kebanyakannya adalah berdasarkan secara dengar. Namun para ahli bahasa cuba meletakkan beberapa kaedah mengikut kategori-kategori tertentu, iaitu:

i) Kebanyakan kata kerja yang menunjukkan kepada sifat kemahiran (حِرْفَةٌ)

wazannya ialah فَعَالَةٌ. Contohnya حَالَ (menenun) maṣdarnya حِيَاكَةٌ (penenunan).

ii) Kebanyakan kata kerja yang menunjukkan kepada perkara yang tidak tetap

dan berubah-ubah wazannya ialah فَعْلَنْ. Contohnya غَلَى (menggelegak) maṣdarnya

جَالَ طَيْرَانٍ (bersiar) dan طَيْرَانٍ (terbang) maṣdarnya طَيْرَانٍ (lari) maṣdarnya فَارٌ غَلَانٌ (far, gilan)

maṣdarnya جَوْلَانٌ.

iii) Kebanyakan kata kerja yang menunjukkan kepada penyakit wazannya ialah فَعَالٌ

Contohnya دَارٌ (pening) maṣdarnya دَارٌ.

iv) Kebanyakan kata kerja yang menunjukkan kepada suara wazannya ialah فَعَالٌ.

Contohnya ثَغْرٍ (mengembik/bunyi kambing) maṣdarnya ثَغَاءُ.

v) Kebanyakan kata kerja yang menunjukkan kepada warna wazannya ialah فَعْلَةٌ.

Tidak terdapat contoh daripada kata kerja mu'tal dalam kategori ini.

vi) Kebanyakan kata kerja yang menunjukkan kepada keburukan atau keaiban

wazannya ialah فَعْلٌ. Contohnya عَوْرٌ, عَمِيٌّ (buta) maṣdarnya (buta sebelah mata)

maṣdarnya حَوْلٌ وَعَوْرٌ (juling) maṣdarnya ialah حَوْلٌ.

vii) Kebanyakan kata kerja yang menunjukkan kepada perbuatan wazannya ialah وَصْوَلٌ فَعْلٌ. Contohnya وَصَوْلٌ (sampai) maṣdarnya وَصْوَلٌ.

viii) Kebanyakan kata kerja yang menunjukkan kepada makna yang tetap wazannya ialah فَعْلَةٌ لَمْ يَسِّرَ (kering) maṣdarnya لَمْ يَسِّرَ.

Selain daripada kaedah yang telah ditetapkan di atas, wazan yang lain bolehlah dikategorikan seperti berikut ('Abduh al-Raajihiyy 1984:68) :

i) Kebanyakan kata kerja tak transitif wazannya ialah فَعْلٌ. Contohnya قَالَ

(berkata) maṣdarnya قَوْلٌ.

ii) Kebanyakan kata kerja tak transitif di mana 'ain katanya pada kata kerja kala lampau berbaris atas wazannya ialah فَعَالٌ atau فَعَالٌ. Contohnya صَامٌ (puasa) maṣdarnya

نَوْمٌ (tidur) maṣdarnya قَامَ (bangun) dan قِيَامٌ (tidur) maṣdarnya صَيَامٌ atau نَيَامٌ.

- iii) Kebanyakan kata kerja tak transitif di mana ‘ain katanya ketika kata kerja kala lampau berbaris depan, wazannya ialah **فعالة** atau **وجبة takut** (takut). Contohnya **وجبة** (megah) masdarnya **وجهة** dan **وجبة**.

Selain daripada wazan di atas terdapat juga masdar daripada wazan **فعلة**. Contohnya perkataan **وثب**, **وثوب**, **وثب** (*melompat*) masdarnya ada tiga iaitu **ثب** dan **ثب**. Masdar **ثب** (wazan **فعلة**) berasal daripada perkataan **فعل** mengikut wazan **فعلة**. Perubahan yang berlaku di sini ialah pengguguran waaw dan huruf thaa' diberisbawahkan kerana huruf yang berbaris mati apabila dihidupkan barisnya, maka ia akan berbaris bawah. Akhirnya ditambah huruf taa' marbuutah dihujung perkataan. Begitu juga halnya dengan perkataan-perkataan seperti **وعد** (*berjanji*) masdarnya **عدة** dan **وعد** (Ibraahiim t.th:16).

Bagi kata kerja yang lebih daripada tiga huruf, wazannya adalah seperti berikut :

<u>Bil</u>	<u>Bab</u>	<u>Wazan</u>
1	يُفْعِلُ - أَفْعَلُ	إِفْعَالٌ
2	يُفْعِلُ - فَعَلٌ	تَفْعِيلٌ
3	يُفَاعِلُ - فَاعَلٌ	فِعَالٌ / مُفَاعَلَة
4	يَتَفَعَّلُ - تَفَعَّلٌ	تَفَعُّلٌ
5	يَتَفَاعَلُ - تَفَاعَلٌ	تَفَاعُلٌ

6	يَفْعُلُ - اِفْعَلٌ	اِفْعَالٌ
7	يَسْتَفْعُلُ - اِسْتَفْعَلٌ	اِسْتَفْعَالٌ

a) Kata Kerja Mu‘tal Mithaal

Daripada ketujuh-tujuh wazan di atas, tidak terdapat sebarang perubahan kepada huruf ‘illah kecuali bagi dua bab, iaitu يَفْعُلُ - اِفْعَلٌ dan يَسْتَفْعُلُ - اِسْتَفْعَلٌ Contoh bab pertama

ialah kata kerja أَوْصَلَ (menyampaikan) menjadi إِنْصَالٌ di mana asalnya ialah إِرْصَالٌ

Huruf waaw telah ditukarkan kepada huruf yaa’ untuk disesuaikan dengan baris bawah.

Manakala bagi bab kedua pula ialah kata kerja اِنْصَافٌ (bersifat) yang berasal daripada

perkataan اِنْصَافٌ menjadi اِنْصَافٌ Perkataan اِنْصَافٌ sebenarnya berasal daripada

اِنْصَافٌ di mana huruf waaw telah ditukarkan kepada huruf taa’ yang berbaris mati bagi

memudahkan sebutan dan seterusnya berlaku penyerapan faa’ kata (taa’ pertama) ke dalam taa’ kedua. (‘Abduh al-Raajihiiy 1984:178). Penukaran dan penyerapan huruf yang sama berlaku apabila kata kerja tersebut diderivasikan kepada masdar. Bagi bab ketiga pula contohnya perkataan اِسْتَوْجَبٌ (anggap wajib) masdarnya ialah اِسْتَبْجَابٌ

yang berasal daripada perkataan اِسْتَوْجَابٌ. Huruf waaw telah ditukarkan kepada huruf

yaa’ untuk diserasikan dengan baris bawah.

b) Kata Kerja Mu'tal Ajwaf

Perubahan huruf 'illah berlaku pada bab استَفْعَلُ - اِسْتَفْعَلَ - يَسْتَفْعِلُ - يَسْتَفْعِلُ dan يَفْتَحُ - اِفْتَحَ - اِفْتَحْلَهُ

Bagi bab yang pertama contoh kata kerja أقام (mendirikan) (asalnya ialah أقام) menjadi

إِقَامَة mengikut wazan إِفْعَلَة dengan digugurkan huruf alif daripada wazan asalnya, iaitu

إِقْوَامَ إِفْعَالَهُ (Abduh al-Raajihiiy 1984:69). Perkataan إِقَامَة adalah berasal daripada

tetapi telah berlaku perubahan di mana baris waaw telah dipindahkan kepada huruf konsonan sebelumnya yang berbaris mati إِقْوَامُ (أقام), kemudian digugurkan huruf waaw

kerana pertemuan dua huruf yang berbaris mati إِقَامَ (أقام) dan akhirnya ditambahkan huruf

تاءً' dihujung perkataan tersebut untuk menjadi إِقَامَة. Contoh bagi bab kedua ialah kata

kerja استغاثة (meminta bantuan) yang menjadi إِسْتِغَاثَةٌ Proses i'laal yang berlaku di sini

adalah sama seperti yang berlaku kepada perkataan إِقَامَة (Ibraahiim t.th:121)

c) Kata Kerja Mu'tal Naaqis

Berlaku perubahan kepada huruf 'illah pada semua bab. Contohnya adalah seperti berikut:

Jadual 6

Wazan Maṣdar Bagi Kata Kerja Mu'tal Naaqis⁵

Bil	Bab	Contoh	Maṣdar	Asal
1	يُفْعِلُ - أَفْعَلْ	أَهْدَى (memberi hadiah)	إِهْدَاءٌ	إِهْدَايٌ
2	يُفْعِلُ - فَعَلْ	صَلَّى (sembahyang)	صَلَاةٌ	فَعْلَةٌ (wazan)
3	يُفَاعِلُ - فَاعَلْ	لَاجِي (bermunajat)	مُنَاجَاهَةٌ	مُنَاجِيَةٌ
4	يَتَقَعَّلُ - تَفَعَّلْ	تَجَلِّي (nyata)	تَجَلِّي	تَجَلُّي
5	يَتَفَاعَلُ - تَفَاعَلْ	بَاكِي (bertangis-tangisan)	بَاكِي	بَاكِي
6	يَفْتَعِلُ - افْتَعَلْ	إِقْتَدَى (mengikuti)	إِقْتَدَاءٌ	إِقْتِدَايٌ
7	- إِسْتَفْعَلْ يَسْتَفْعِلُ	إِسْتَرْضَى (minta redha)	إِسْتَرْضَاءٌ	إِسْتِرْضَايٌ

⁵ Perkataan ini memberi dua maksud, iaitu sembahyang dan terpegang atau masuk. Maṣdar bagi makna kedua ialah **ئىچىيە**

Merujuk kepada jadual di atas, perubahan bagi maṣdar اِسْتِرْضَاءٌ dan اِفْعَادَةٌ, إِفْدَاءٌ استِرْضَاءٌ dan اِفْعَادَةٌ, اِفْدَاءٌ

adalah disebabkan oleh penukaran huruf yaa' kepada alif kerana kedudukannya dihujung perkataan selepas alif tambahan. Sementara perkataan صَلَاةٌ pula, perubahan

yang berlaku ialah apabila baris waaw dipindahkan kepada huruf konsonan sebelahnya yang berbaris mati, kemudian huruf waaw ditukarkan kepada huruf alif kerana ia asalnya daripada huruf yang berbaris, dan huruf sebelumnya berbaris atas. Manakala perkataan مُنَاجَاهَةٌ, مُنَاجَاهَةٌ, perubahan yang berlaku di sini apabila huruf yaa' ditukarkan kepada

huruf alif kerana ia berbaris dan huruf sebelumnya berbaris atas. Bagi perkataan تَجَلِّيٌّ

dan تَكَبِّيٌّ, تَكَبِّيٌّ, perubahan yang berlaku ialah apabila laam dan kaaf yang berbaris depan ditukarkan kepada baris bawah bagi diserasikan dengan huruf yaa'.

d) Kata Kerja Mu'tal Lafiif Mafruuq

Perubahan berlaku kepada kata kerja ini adalah sama seperti yang berlaku kepada kata kerja mu'tal naaqis. Contohnya perkataan أَوْصَىٰ (memberi wasiat) menjadi إِصَاءٌ.

Cuma berlaku sedikit perubahan kepada huruf waaw yang ditukarkan kepada huruf yaa' untuk diserasikan dengan baris bawah.

e) Kata Kerja Mu'tal Lafiif Maqrūun

Kata kerja ini juga sama halnya dengan perubahan yang berlaku kepada kata kerja mu'tal naaqis. Contohnya perkataan أَرْوَىٰ (memuaskan dahaga) menjadi إِرْوَاءٌ.

Merujuk kepada jadual di atas, perubahan bagi masdar استرضاءٌ dan اقتداءٌ، إهداءٌ

adalah disebabkan oleh penukaran huruf yaa' kepada alif kerana kedudukannya dihujung perkataan selepas alif tambahan. Sementara perkataan صلاة pula, perubahan

yang berlaku ialah apabila baris waaw dipindahkan kepada huruf konsonan sebelahnya yang berbaris mati, kemudian huruf waaw ditukarkan kepada huruf alif kerana ia asalnya daripada huruf yang berbaris, dan huruf sebelumnya berbaris atas. Manakala perkataan **مناجاة**, perubahan yang berlaku di sini apabila huruf yaa' ditukarkan kepada

huruf alif kerana ia berbaris dan huruf sebelumnya berbaris atas. Bagi perkataan **تجلي**

dan تَبَّاكِيْ, perubahan yang berlaku ialah apabila laam dan kaaf yang berbaris depan ditukarkan kepada baris bawah bagi diserasikan dengan huruf yaa'.

d) Kata Kerja Mu 'tal Lafiif Mafruuq

Perubahan berlaku kepada kata kerja ini adalah sama seperti yang berlaku kepada kata kerja mu'tal naaqis. Contohnya perkataan أوصى (memberi wasiat) menjadi انصاء.

Cuma berlaku sedikit perubahan kepada huruf waaw yang ditukarkan kepada huruf yaa' untuk diserasikan dengan baris bawah.

e) Kata Kerja Mu'tal Lafiif Maqrūun

Kata kerja ini juga sama halnya dengan perubahan yang berlaku kepada kata kerja mu'tal naaqis. Contohnya perkataan أَرْوَأْ (memuaskan dahaga) menjadi ارْوَأْءٌ.

3.2.2.4 Kata Nama Tempat Dan Kata Nama Masa

Kata nama tempat ialah kata nama yang diambil daripada kata kerja untuk menunjukkan kepada tempat berlakunya sesuatu perbuatan. (Muṣṭafaa Ghalaayiniyy 1992: jil.1/201)⁶.

Manakala kata nama masa pula ialah kata nama yang diambil daripada kata kerja untuk menunjukkan masa berlakunya sesuatu perbuatan. (Muṣṭafaa Ghalaayiniyy 1992: jil.1/201)⁷. Terdapat dua wazan bagi kedua-dua kata nama di atas, bagi kata kerja tiga huruf, iaitu مَفْعُلْ (Maf'ul) dan مَفْعِلْ (Maf'il). Wazan مَفْعِلْ adalah bagi kata kerja dari bab يَفْعُلُ (Yaf'ul) dan يَفْعُلْ (Yaf'ul).

. Manakala wazan مَفْعُلْ adalah bagi kata kerja dari bab يَفْعُلُ (Muṣṭafaa Ghalaayiniyy 1992: jil.1/201).

a) Kata Kerja Mu'tal Mithaal

Tidak terdapat sebarang perubahan yang berlaku kepada huruf 'illah. Huruf 'illah dikenalkan dalam bentuk asalnya. Contohnya kata kerja mithaal waaw وَعْدٌ (berjanji)

menjadi مَوْعِدٍ (tempat/masa perjanjian) dan kata kerja mithaal yaa' يَبْسُ (kering)

menjadi مَيْبَسٍ (tempat/masa kekeringan).

b) Kata Kerja Mu'tal Ajwaf

Terdapat perubahan yang berlaku kepada huruf 'illah apabila kata kerja ini ditukarkan kepada kata nama tempat/masa. Perubahan ini berlaku mengikut asal kepada huruf 'illah tersebut. Contohnya kata kerja بَاعَ (menjual) menjadi مَبْيَعٍ (tempat/masa berjual)

⁶Lihat juga Raajii al-Asmar (1993:139) Abduh al-Raajihiiy (1984:85)

⁷Lihat juga Raajii al-Asmar (1993:139) Abduh al-Raajihiiy (1984:85)

(‘Abduh al-Raajihiiy 1984:85). Asalnya ialah مُبْيَع iaitu mengikut wazannya مَفْعِل. Di sini berlaku pengalihan baris yaa’ kepada huruf sebelumnya iaitu, baa’ lalu menjadi مُبْيَع. Manakala bagi perkataan قَالَ (berkata) kata nama tempat/masanya ialah مَقَالَ (tempat/masanya berkata) di mana asalnya ialah مَقْوَلٌ. Baris waaw telah dipindahkan kepada huruf konsonan sebelumnya yang berbaris mati, iaitu qaaaf (مَقْرُولٌ). Akhirnya huruf waaw ditukarkan kepada huruf alif untuk menjadi مَقَالٌ.

c) Kata Kerja Mu’tal Naaqiq

Berlaku perubahan kepada huruf ‘illah dalam kata kerja mu ‘tal naaqiq ini. Perubahan ini bergantung kepada asal huruf ‘illah tersebut. Contohnya perkataan رَمْيٌ (melontar) di mana huruf alif (yang ditulis dalam bentuk ى) berasal dari huruf yaa’ (رمي'). Kata nama tempat/masa kepada kata kerja ini ialah مَرْمَيٌّ (tempat/masa melontar) di mana asalnya ialah مَرْمَيْنُ . Huruf yaa’ ditukarkan kepada huruf alif (yang ditulis dalam bentuk ى) untuk menjadi مَرْمَيْنُ . Kemudian huruf alif digugurkan kerana pertemuan dua huruf yang berbaris mati dan dipindahkan baris tanwin kepada miim serta

dikekalkan bentuk 'yaa' untuk menunjukkan bahawa huruf yang digugurkan itu asalnya ialah huruf 'yaa'.

d) Kata Kerja Mu'tal Lafiif Mafruuq

Perubahan yang berlaku kepada huruf 'illah adalah sama seperti yang berlaku kepada huruf 'illah dalam kata kerja mu'tal naaqiṣ kerana huruf 'illahnya terletak di hujung perkataan. Contohnya **وَلِيٰ** (memerintah) menjadi **مَوْلَى** (tempat/masa pemerintahan).

e) Kata Kerja Mu'tal Lafiif Maqrūun

Perubahan yang berlaku kepada huruf 'illah juga sama seperti yang berlaku kepada huruf 'illah dalam kata kerja mu'tal naaqiṣ kerana huruf 'illahnya terletak di hujung perkataan. Contohnya **رَوْيٰ** (dahaga) menjadi **مَرْوُى** (tempat/masa dahaga)

Bagi kata kerja yang lebih daripada tiga huruf, wazannya adalah seperti berikut:

Bil	Bab	Wazan
1	يَفْعُلُ - فَعْلٌ	مُفْعَلٌ
2	يَفْعَلُ - فَعَلٌ	مُفَعَّلٌ
3	يَفَاعِلُ - فَاعَلٌ	مُفَاعَلٌ
4	يَتَفَعَّلُ - تَفَعَّلٌ	مُتَفَعَّلٌ
5	يَتَفَاعَلُ - تَفَاعَلٌ	مُتَفَاعَلٌ
6	يَفْتَعِلُ - فَتَعَلٌ	مُفَتَعَلٌ

مُسْتَفْعِلٌ

يَسْتَفْعِلُ - اسْتَفْعِلُ

a) Kata Kerja Mu'tal Mithaal

Daripada ketujuh-tujuh wazan di atas, tidak terdapat sebarang perubahan kepada huruf 'illah . Contohnya, perkataan **أَوْصَلَ** (*menyampaikan*) kata nama tempat/masanya ialah **مُوْصَلٌ** (*tempat/masa menyampaikan*).

b) Kata Kerja Mu'tal Ajwaf

Perubahan huruf 'illah berlaku pada bab **يَقْتَعِلُ** - **أَفْعَلُ** - **يَفْعَلُ** - **يَسْتَفْعِلُ** - **اسْتَفْعِلُ** dan **يَقْتَعِلُ**.

Bagi bab yang pertama contoh kata kerja **أَقْرَامَ** (*mendirikan*) (asalnya ialah **أَقْوَمَ** *menjadi*

مَقَامٌ adalah sama perubahannya seperti yang berlaku kepada kata kerja ini apabila

diderivasikan kepada kata nama objek. Begitulah juga halnya pada bab yang kedua dan ketika di mana kata nama tempat/masa ini adalah sama wazannya dengan kata nama objek. Contohnya, perkataan **إِخْتَارٌ** (*memilih*) dan **إِسْتَعْانَةٌ** (*meminta tolong*) kata nama

tempat/masanya ialah **مُخْتَارٌ** dan **مُسْتَعْانٌ**.

c) Kata Kerja Mu'tal Naaqis

Perubahan yang berlaku kepada huruf 'illah bagi kata kerja ini adalah sama seperti yang berlaku apabila ia diderivasikan kepada kata nama objek. Contohnya perkataan **أَهْدَى**

(*memberi hadiah*) kata nama tempat/masanya ialah **مُهْدَىٰ**.

d) Kata Kerja Mu‘tal Lafiif Mafruuq

Perubahan yang berlaku kepada kata kerja ini adalah sama dengan apa yang berlaku kepada kata kerja mu‘tal naaqiṣ. Contohnya perkataan أوصى (*memberi wasiat*) kata nama tempat/masanya ialah مُوصى.

e) Kata Kerja Mu‘tal Lafiif Maqrūun

Perubahan yang berlaku kepada kata kerja ini adalah sama juga dengan apa yang berlaku kepada kata kerja mu‘tal naaqiṣ. Contohnya perkataan أروى (*memuaskan dahaga*) kata nama tempat/masanya ialah مُرْوَى.

3.2.2.5 Isim alat

Isim alat ialah kata nama yang diderivasikan daripada kata kerja untuk menunjukkan kepada alat. Isim alat hanya diderivasikan daripada kata kerja transitif tiga huruf sahaja ('Abduh al-Raajhiyy 1984:88)⁸. Wazan kata kerja tiga huruf bagi isim alat ada tiga iaitu مفعّلٌ dan مفعّلةٌ. (Muṣṭafaa Ghalaayiniiy 1992: jil.1/204).

a) Kata Kerja Mu‘tal Mithaal

Contoh bagi kata kerja mithaal waaw ialah وضع (*meletak*), isim alatnya ialah مِنْسَعٌ (*alat untuk meletakkan*). Dari contoh ini dapat dilihat dengan jelas penukaran huruf

⁸Lihat juga al-Haashimiyy (t.th.321), Raajii al- Asmar (1993:80)

‘illah waaw kepada huruf yaa’ untuk diserasikan dengan baris bawah. Manakala contoh bagi kata kerja mithaal yaa’ ialah **مِسْنَى** (*kering*) menjadi **مِسْنَسْ** (*alat untuk mengeringkan*). Di sini tidak berlaku sebarang penukaran huruf ‘illah.

b) Kata Kerja Mu’tal Ajwaf

Contoh bagi kata kerja ajwaf pula ialah **بَاعَ** (*menjual*) isim alatnya ialah **مِبَاعٌ** di mana ia

berasal daripada perkataan **مِبَاعَةٌ**. Perubahan yang berlaku di sini ialah apabila baris atas

huruf yaa’ dipindahkan kepada huruf konsonan yang berbaris mati sebelumnya untuk menjadi **مِبَاعَةٌ**. Kemudian huruf yaa’ ditukarkan kepada huruf alif disebabkan pada

asalnya huruf yaa’ itu berbaris dan huruf sebelumnya berbaris atas untuk menjadi **مِبَاعٌ**.

Begini juga dengan perkataan **قَالَ** (*berkata*) dan **خَافَ** (*takut*) isim alatnya ialah **مِقَالٌ**

dan **مِخَافٌ**. Cuma yang berbeza sedikit ialah asal huruf ‘illah bagi keduanya ialah huruf

waaw, jadi asal kepada perkataan **مِقَالٌ** dan **مِخَافٌ** ialah **مِقَوْلٌ** dan **مِخَوْفٌ**. Pertukaran

yang berlaku seterusnya adalah sama dengan apa yang berlaku kepada perkataan **مِبَاعٌ**.

c) Kata Kerja Mu’tal Naaqis

Perubahan yang berlaku kepada huruf ‘illah di sini adalah sama halnya yang berlaku kepada kata nama tempat/masa. Contohnya perkataan **رَمَى** (*melontar*) isim alatnya ialah

مِرْفَعٌ yang berasal daripada perkataan مِرْفَعٌ (mengikut wazan). Kemudian proses

pengi'ilan berlaku seperti pada kata nama tempat/masa.

d) Kata Kerja Mu'tal Lafiif Mafruuq

Perubahan yang berlaku kepada huruf 'illah apabila ia disesuaikan dengan baris

sebelumnya. Contohnya perkataan وَقَى (memelihara) isim alatnya ialah مِيقَى yang

berasal daripada perkataan مِوقَى di mana huruf waaw ditukarkan kepada huruf yaa'

untuk diserasikan dengan baris bawah. Sementara perubahan lainnya adalah sama seperti yang berlaku kepada isim alat kata kerja mu'tal naaqis.

e) Kata Kerja Mu'tal Lafiif Maqrūun

Perubahan huruf 'illah bagi kata kerja ini adalah sama juga dengan apa yang berlaku

kepada kata kerja mu'tal naaqis. Contohnya, perkataan رُوْيَ (menceritakan) isim alatnya

ialah مِرْوَى.

3.3 Kesimpulan

Secara ringkasnya dapatlah disimpulkan bahawa perubahan kepada huruf 'illah ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor kedudukannya dalam sesuatu perkataan, baris huruf sebelumnya, wazannya ketika dalam keadaan kala lampau, keaslian huruf 'illah itu sebelum dimasukkan ke dalam sesuatu perkataan dan hubungannya dengan ganti nama ataupun kata penegas. Untuk mengetahui dengan lebih mendalam, pengguna bahasa Arab perlu menguasai ilmu yang berkaitan dengan i'laal.

Bab seterusnya akan membincangkan tentang sejauh mana penguasaan pelajar terhadap perubahan yang berlaku kepada huruf ‘illah apabila ia diderivasikan.

